



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III Bil. 12

Hari Selasa

10hb Ogos, 1993

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Buangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan Labuan (Pindaan Ordinan Kerajaan Tempatan) 1993	(Ruangan 44)
Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1993	(Ruangan 48)
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 1993	(Ruangan 87)
Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 1993	(Ruangan 111)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 10hb Ogos, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**PEKEKJA ASING - DASAR PENGGAJIAN DAN KESAN
KEPADA PEKEKJA TEMPATAN**

I. Puan Rosalind Yau Shuk Meng minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengenai kesan layanan majikan terhadap pekerja-pekerja tempatan dari segi tawaraa gaji dan peluang kerja, apabila majikan lebih cenderung mengambil pekerja asing seperti dari Bangladesh dan Indonesia yang sanggup menerima gaji yang lebih rendah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan mengenai penggajian pekerja asing pada umumnya adalah jelas iaitu ianya merupakan langkah jangka pendek untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja dalam sektor-sektor ekonomi tertentu. Dasar ini juga memastikan penggajian pekerja asing tidak akan menjejaskan hak rakyat Malaysia terhadap peluang-peluang pekerjaan dan oleh itu pengambilan pekerja asing adalah tertakluk kepada kriteria dan syarat-syarat yang ketat iaitu majikan-majikan hanya akan dibenarkan menggaji pekerja asing selepas mereka dapat membuktikan usaha-usaha telah diambil untuk mendapat pekerja-pekerja tempatan tetapi tidak berjaya.

Sejak Jawatankuasa Penggajian Buruh Asing ditubuhkan, sejumlah 285,362 pekerja asing telah dipohon, tetapi hanya 138,467 pemohon sahaja yang diluluskan.

Untuk memastikan kepentingan pekerja tempatan tidak digugat oleh kehadiran buruh asing, Kementerian Sumber Manusia sedang menggubal satu Rang Undang-undang yang bernama "Employment of Foreign Persons Act", dengan izin. Akta ini bertujuan untuk mengawal dan menyelenggarakan penggajian buruh asing di negara kita dengan lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia sedang menjalankan kajian 'Impak Dasar Penggajian Pekerja Asing' bertujuan melihat implikasi-implikasi hasil daripada pelaksanaan dasar penggajian pekerja asing terhadap gunatenaga, sosial dan ekonomi negara. Penemuan-penemuan dari kajian ini dijangka akan dapat membantu Kementerian Sumber Manusia serta agensi-agensi yang berkaitan dalam menggubal dasar-dasar dan strategi-strategi yang sesuai terhadap pekerja-pekerja asing dalam menjaga kepentingan negara dan rakyatnya.

Kajian tersebut dijadualkan bermula dalam bulan Ogos ini dan akan memakan masa selama enam bulan.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada sungutan berbunyi mengatakan 'pekerja asing bekerja lebih kuat dan lebih rajin sekiranya dibandingkan dengan pekerja tempatan. Sekiranya ya, macam mana Kementerian bercadang untuk mengasuh atau mendidik pekerja tempatan supaya meningkatkan produktiviti untuk menuju ke Wawasan 2020?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Yang terhormat itu tidak berkaitan dengan soalan yang asal.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sedikit kaitannya, saya rasa.

Dato' M. Mahalingam: Tetapi saya minta notis Yang Berhormat.

[Ketawa]

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah Kementerian Sumber Manusia memastikan sama ada ada pekerja-pekerja asing bekerja di negara kita?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan di sini bahawa Kementerian saya akan sentiasa mengambil berat tentang penyelewengan berbentuk pengenehan pekerja tempatan untuk diganti dengan pekerja asing yang dilakukan oleh mana-mana majikan.

Sehubungan dengan ini, Kementerian saya telah pun mewujudkan Pasukan Petugas sejak 1hb Juali tahun ini untuk menangani masalah yang berkait dengan penggajian pekerja asing di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pasukan Petugas tersebut akan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan dan siasatan dengan pantas ke atas aduan-aduan yang diterima secara semua sumber tentang penyelewengan dalam penggajian pekerja asing yang dilakukan oleh majikan-majikan, dan membuat pemeriksaan mengejut, dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Polis di mana perlu ke atas tempat-tempat pekerjaan yang menggaji pekerja asing ataupun disyaki menggaji pekerja asing secara haram.

Pasukan Petugas ini juga bertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mencegah apa jua bentuk penyelewengan yang di kesan, seperti mendakwa majikan berkenaan atau mengesyorkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk menarik balik kelulusan untuk, menggaji pekerja asing atau menghantar balik pekerja-pekerja asing yang terbabit ke negara asal mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan V.K. Sellappan itu lebih daripada yang Tuan kehendaki. Ya, sila, Dr. Toh,

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah dengan terus mengambil tenaga buruh dari negara-negara tetangga ini sedikit-sebanyak ada bertentangan dengan dasar Kerajaan menggalakkan industri-industri menggunakan teknik intensif modal dan teknologi?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, untuk meniajawab soalan Yang Berhormat yang berkenaan, seperti yang telah saya jawab tadi, memang kita mengikut satu dasar. Dasar kita ialah perlu dikeluarkan iklan dalam newspapers dan dibuat registration, selepas itu barulah mereka boleh memohon dengan Kementerian saya untuk mengambil pekerja asing dari luar negeri.

INSTITUT JANTUNG - PEMBINAAN DI SETIAP NEGERI

2. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk mendirikan Institut Jantung yang menyerupai Institut Jantung Negara di setiap negeri bagi menampung jumlah pesakit jantung yang bertambah dari semasa ke semasa sekarang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk mendirikan Institut Jantung di setiap negeri. Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan pada permulaannya mewujudkan perkhidmatan-perkhidmatan 'sub-speciality' seperti nefrologi, neurologi, neurosurgeri, kardiologi, kardiotorasik dan sebagainya di hospital-hospital 'regional',

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada masa kini perkhidmatan di Institut Jantung Negara tidak dapat menampung sebahagian dari golongan yang berpendapatan rendah. Perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik ini akan dapat membantu perkhidmatan di Institut Jantung Negara yang sedia ada.

Adalah diharapkan dengan tertubuhnya unit-unit ini, pesakit-pesakit dari golongan berpendapatan rendah iuga mempunyai peluang yang sama untuk mendapat rawatan yang diperlukan.

Tuan K. Manisamy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan berapa ramaikah pesakit jantung yang masih menunggu untuk mendapat rawatan untuk mendapat rawatan pembedahan sehingga kini dan apakah tindakan atau rancangan yang akan diambil untuk mengurangkan pesakit yang menunggu giliran?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang saya ada di sini, lebih kurang 2,400 pesakit yang menunggu untuk mendapatkan rawatan daripada IJN. Seperti mana yang saya terangkan tadi bahawa walaupun senarai menunggu ini menunjukkan angka yang besar, tetapi seperti saya terangkan tadi, Kenentarian akan mewujudkan regional hospital iaitu pusat-pusat rujukan di tempat-tempat yang tertentu. Di sana kita akan mewujudkan kardiologi dan kardiothorasik di mana kita dapat mengurangkan bebanan kerja IJN.

Dato' Aznu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan senarai menunggu ini, tidakkah Kerajaan menentukan kriteria-kriteria giliran ini mengikut negeri-negeri? Misalnya, minggu ini dikhaskan untuk rakyat daripada negeri Johor, minggu depan Kedah dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Perak tidak ada? [Ketawa]

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, senarai ini akan ditentukan oleh pakar-pakar, bukan oleh orang biasa. Jadi, di mana

kita hendak memberi satu rawatan dengan secepat mungkin, maka mereka akan diberi keutamaan. Kita tidak boleh menentukan, hanya pakar sahaja yang boleh menentukan. Walau bagaimanapun, kita akan ambil kira cadangan Yang Berhormat itu. [Ketawa]

Tuan Saad bin Baji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan, IJN ini ditubuhkan sebagai sebuah syarikat sendirian berhad. Mungkin Yang Berhormat dapat memberitahu kita siapakah pemegang-pemegang saham utama IJN Sdn. Bhd. ini?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pemegang saham ini ialah 100% Kerajaan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Walaupun jawapan Yang Berhormat tidak relevan, tetapi tidak apalah.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Buat masa sekarang adakah didapati permohonan-permohonan daripada warganegara luar Malaysia yang memohon untuk mendapatkan rawatan dari pusat yang berkenaan?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak mempunyai maklumat tentang soalan ini, sebagai satu Kerajaan yang penyayang maka Kerajaan akan, dengan izin, consider, akan timbang.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat itu tanya, ya atau tidak sahaja.

Dato' K. Kumaran: Seperti saya jawab tadi, sebagai Kerajaan yang penyayang, maka Kerajaan akan terima pesakit dari luar negeri.

SEGI TIGA WILAYAH UTARA - OBJEKTIF PENUBUHAN

3. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) apakah objektif utama di segi pertumbuhan ekonomi dan sosial antara Kerajaan Persekutuan dengan Penubuhan Program Pembangunan Segi Tiga Wilayah Utara yang terdiri dari Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak;
 - (b) apakah peranan dan pencapaian khusus yang sudah menampakkan kejayaan bagi ke empat-empat buah negeri itu; dan
 - (c) adakah pihak Kerajaan Persekutuan menyediakan bantuan kewangan atau lain-lain kemudahan bagi memantapkan aktiviti Program Pembangunan Segi Tiga Wilayah Utara **ini**.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) objektif utama pertama penubuhan Segi Tiga Wilayah Utara ialah untuk mengeksploitasikan potensi bagi pertumbuhan "synergistic", dengan izin, di kawasan yang merangkumi lima provinsi di Thailand Selatan, dua provinsi di Sumatra Utara dan empat negeri di Malaysia Utara. Dari segi ekonomi, kerjasama ekonomi boleh berlaku pada tahap antarabangsa, antara negeri dan juga pada tahap sub-nasional. Pendekatan kerjasama zon-zon di kawasan Asia telah menunjukkan kesan-kesan kejayaan, seperti mana di Segi Tiga Guandong-Shenzhen-Hong Kong dan Segi Tiga Wilayah Singapura-Johor-Bantam.

Berasaskan pendekatan pembangunan yang complementary, dengan izin, terdapat peluang bagi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak menceburi dalam bidang-bidang perdagangan, pelaburan, penggunaan sumber

tenaga manusia, pelancongan, pertanian dan perikanan, perindustrian dan pembuatan, pembangunan infrastruktur, pembangunan sumber tenaga manusia dan pemindahan teknologi, pembinaan an perkhidmatan.

- (b) Pertumbuhan kawasan pembangunan Segi Tiga Wilayah Utara ini masih di tahap permulaan Walau bagaimana pun tanda-tanda yang amat menggalakkan ialah minat yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga Kerajaan yang berkenaan. Beberapa rombongan yang terdiri daripada sektor swasta telah saling melawat bagi mengesan peluang-peluang pelaburan. Satu Jawatankuasa Kerja Pegawai dan satu Majlis Perniagaan antara ketiga-tiga negara telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian lanjut dalam rnengesan projek-projek bekerjasama yang saling manfaat dan mengesan kemudahan-kemudahan yang perlu diadakan untuk melicinkan aktiviti-aktiviti pelaburan serta peluang-peluang pelaburan. Satu rombongan peniaga dari Malaysia khasnya dari empat buah negeri di utara sedang melawat Medan dan Aceh untuk membuat hubungan dengan kawan perniagaan mereka. Lawataa-lawatan seperti ini akan terus diadakan dari masa ke semasa dan adalah diharapkan pelaburan dan perniagaan yang dihasilkan akan dapat mencapai kejayaan yang diinginkan
- (c) Pendekatan yang digunakan dalam pembangunan Segi Tiga Wilayah Utara ini ialah secara "private sector led", iaitu segala pelaburan dan perniagaan adalah dibuat oleh sektor

swasta sendiri. Peranan Kerajaan-kerajaan berkenaan adalah menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk melicinkan aktiviti sektor swasta. Peruntukan kewangan Kerajaan akan terlibat hanya setakat penyediaan kemudahan-kemudahan seperti pembinaan infrastruktur yang diperlukan, pindaan kepada peraturan-peraturan cukai eksport/import, dan mewujudkan zon bebas cukai/ zon pemerosesan eksport jika perlu.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Thailand yang disertai oleh Menteri-Menteri Besar dari Wilayah Utara sebagai satu tindakan susulan terhadap merealisasikan Segi Tiga Wilayah Utara ini dan apakah langkah-langkah yang telah dikenalpasti yang telah diambil oleh Thailand dalam merealisasikan Wilayah Segi Tiga ini dan bagaimana pula tindakan Indonesia untuk mengambil langkah-langkah selanjutnya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke mana-mana negara pun adalah bertujuan untuk menghubungkan hubungan dua hala di antara negeri-negeri yang dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini termasuklah lawatan yang akan dibuat pada 19hb yang akan datang ke Thailand dengan disertai oleh Menteri-Menteri Besar di negeri-negeri utara, tujuan sebahagian daripadanya ialah bagi

menjalankan kegiatan yang saya sebutkan tadi, iaitu untuk mempercepatkan ataupun menjalankan usaha memajukan Segi Tiga Wilayah Utara **ini**. Ini adalah sebagai perkara biasa dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana soal perdagangan, soal hubungan dua hala dan soal keselamatan akan dibincangkan oleh kedua-dua buah Kerajaan.

Bagi jawapan yang kedua, iaitu Thailand ataupun Indonesia, setakat **ini**, saya telah sebutkan tadi bahawa ini adalah di peringkat permulaan. Walau bagaimanapun, satu mesyuarat telah pun diadakan di peringkat Menteri di Langkawi yang dihadiri oleh Menteri dari Thailand, Menteri dari Indonesia dan juga kumpulan dari Malaysia ini diketuai oleh Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin dan selepas daripada itu dua jawatankuasa satu Jawatankuasa Pemandu dan satu lagi Jawatankuasa Teknik - telah ditubuhkan bagi menjalankan kerja-kerja lanjut untuk kajian seterusnya dan merealisasikan apa yang disebutkan Pembangunan Segi Tiga Wilayah Utara ini.

PENAWARAN BARANG-BARANG DAN PERKHIDMATAN - PEMBERIAN TENDER

4. Dato' Soog Siew Hoong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) adakah Kementerianya sedang mengambil langkah-langkah yang perlu, seperti memberi peluang yang sama untuk mendapatkan tender bagi penawaran barang-barang dan perkhidmatan, untuk menggalakkan penubuhan suatu kategori industri kecil dan sederhana baru di mana pemegangan saham adalah dibahagi sama (50:50) antara usahawan-usahawan bumiputera - bukan bumiputera;
- (b) jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil; dan
- (c) jika tidak, mengapa tidak.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak terlibat dalam pemberian tender-tender bagi penawaran barang-barang dan perkhidmatan. Pemberian tender-tender bagi penawaran barang-barang dan perkhidmatan adalah di bawah bidang

kuasa Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kementerian ini menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat usahasama yang tulen, dengan izin, 'genuine joint venture' di antara bumiputera dengan bukan bumiputera atau dengan pelabur asing. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan kumpulan perdagangan dan perindustrian yang dapat berkongsi kemahiran dan kepakaran ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju,

Kerajaan juga memang menggalakkan penubuhan satu kategori industri kecil dan sederhana di mana pegangan sahamnya terdiri dari bumiputera dan bukan bumiputera. Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7/1974 bagi maksud memberi peluang kepada syarikat-syarikat usahasama bumiputera dan bukan bumiputera dalam perolehan barang-barang, perkhidmatan dan kerja-kerja membenarkan kombinasi seperti berikut:-

- (i) Syarikat yang majoriti (sekurang-kurangnya 51%) daripada hakmilik saham-saham syarikat itu dipunyai oleh bumiputera; dan
- (ii) Majoriti (sekurang-kurangnya 51%) daripada peringkat pengurusan dijalankan oleh bumiputera; serta

- (iii) Majoriti (sekurang-kurangnya 51%) daripada pekerja-pekerja syarikat itu terdiri daripada bumiputera.
- (b) Kerajaan sedang mengambil berbagai langkah untuk menggalakkan lagi usahasama di antara bumiputera dan bukan bumiputera terutamanya di kalangan industri kecil dan sederhana. Salah satu daripada langkah yang diambil ialah menggalakkan pembangunan pembekal (vendor) dalam industri pengeluaran komponen bagi keperluan industri besar dan Multi National Corporations. Di bawah 'Registry of Investors and Contact Manufacturers' (RICOM) di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Kementerian juga menggalakkan penubuhan projek-projek usahasama di antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Dato' Soong Siew Hoong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah maksud 'genuine joint venture'?

Tuan Ghua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, itu bukanlah joint venture atau yang merupakan 'Ali-Baba' atau 'Baba-Ali'.

PENAPISAN FILEM - BILANGAN

5. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menceri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan filem-filem yang ditapis oleh Lembaga Penapis Filem pada setiap bulan; dan
- (b) berapakah bilangan ahli penapis yang terlibat dalam penapisan filem-filem Tamil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Purata bilangan filem-filem yang ditapis oleh Lembaga Penapis Filem pada setiap bulan dalam berbagai format dan jenis adalah seperti berikut:-

- (i) Filem 35 mm. dan
16 mm. - 80 tajuk
- (ii) Pita Video/Laser Disc - 1,400 tajuk
- (iii) RTM (filem/pita video) - 200 tajuk
- (iv) TV3 (filem/pita video) - 300 tajuk

- (b) Ahli Lembaga Penapis Filem yang terlibat dalam penapisan filem-filem Tamil adalah seramai 6 orang.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah bilangan penapis filem itu sama kepada filem-filem yang lain?

Yang kedua, apakah garis panduan yang dipakai

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat Tuan Hanipah, kalau boleh kita bataskan kepada satu soalan sahaja. Kalau hendak bentuk semula soalan tambahan itu pun boleh juga, sebab banyak lagi soalan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengemukakan adakah senarai bilangan itu sama juga dengan filem-filem yang lain? Dan adakah satu panduan diberi kepada

Jawatankuasa Penapisan Filem untuk membuat penapisan filetn-filem yang berkenaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bilangan penapis filem adalah berlainan. Untuk filem Tamil - 6 orang, untuk yang lain-lain terpulang kepada beban kerjanya. Jadi, boleh saya beritahu secara keseluruhan terdapat ramai lagi penapis-penapis untuk seksi Bahasa Malaysia, seksi bahasa Mandarin dan sebagainya.

Dan memang ada garis panduan yang sangat jelas untuk penapis-penapis termasuk beberapa aspek penting yang kita hendak tekankan iaitu dari segi aspek seks, keganasan, jenayah, perkauman, agama, politik, nilai-nilai sosial, kebudayaan, indentiti nasional. Ini merupakan tajuk-tajuk utama dalam guide line itu.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa unsur-unsur kekejaman dan keganasan yang berlaku di dalam filem-filem yang ditunjukkan di layar perak sama ada di TV, video, laser disc dan sebagainya di negara kita ini telah menyebabkan berlakunya banyak kes-kes pembunuhan yang begitu kejam, potong 18 dan sebagainya, kes-kes rompakan bank, kes-kes rogol, kes-kes seperti Bentung Kali dan sebagainya.

Apakah Yang Berhormat bersetuju kerana pengaruh filem-filem seperti itu di negara kita ini menyebabkan bertambahnya berlaku keganasan di negara kita? Dan kalau bersetuju, apakah langkah Kerajaan untuk menghalangkan perkara ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang tidak membenarkan filem-filem atau pita-pita video yang diluluskan itu mengandungi unsur-unsur keganasan atau unsur-unsur yang mengerikan ataupun seks ditayangkan sama ada di TV ataupun di panggung wayang. Apa yang telah menjadi masalah pada masa kini ialah adanya pita-pita video atau laser disc ataupun filem-filem yang diseludup masuk ataupun masuk secara dirujuk kepada Lembaga Penapisan.

Jadi, kalau sekiranya semua rakyat ikut undang-undang kita, maka masalah sebegitu tidak timbul.

Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan ialah kita meningkatkan lagi penguatkuasaan supaya kita akan bertindak ke atas mereka terutamanya sindiket-sindiket ataupun pengusaha-pengusaha pusat-pusat video, pusat-pusat karaoke ataupun panggung-panggung wayang di mana kalau sekiranya terdapat mereka melanggar undang-undang cerutamanya di bawah Akta Filem Penapisan 1992, mereka boleh didakwa di mahkamah. Dan sekiranya dijatuhkan hukuman bersalah, hukumannya ialah tidak lebih daripada penjara 6 bulan ataupun **RM10,000**.

Jadi, dari segi Lembaga Penapisan Filem, penguatkuasaan akan ditingkatkan. Baru-baru ini pihak penguatkuasa telah pun berjaya merampas sebanyak 6 tajuk termasuk "Faces of the Death" yang kita anggap itu boleh mengakibatkan sesuatu yang negatif. Jadi, penguatkuasaan kita akan terus dengan bantuan Polis dan juga agensi-agensi yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah lengkap itu.

IKLAN TV - JUMLAH KUTIPAN HASIL

6. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Penerangan menyatakan hasil kutipan yang dapat dipungut menerusi iklan di TV tahun 1991, 1992 dan 1993.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan hasil melalui iklan TV oleh RTM adalah seperti berikut:-

Tahun		IV
1991	-	RM224.5 juta
1992	-	RM265 juta
1993		
(sehingga penghujung		
Jun 1993)		RM105.5 juta.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Michael Boon Thiam Joon.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.7.

PEMBINAAN PADANG GOLF - KESAN NEGATIF TERHADAP KEGUNAAN TANAH

7, Tuan Ding Seling [di bawah S.O.23(2)] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pembinaan padang-padang golf yang tumbuh macam cendawan pada hari ini akan membawa kesan negatif terhadap kegunaan tanah untuk mengeluarkan hasil makanan dan pertanian,

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Mohd. Noh bin Bajab]: Tuan Yang di-Pertua, padang-padang golf yang terdapat di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat menjawab bagi pihak sendiri ataupun bagi pihak Kementerian lain?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini dicatatkan di sini kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tetapi kandungannya kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperaii.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, silakan.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Sebab itu, saya di sini menjawab bagi pihak Kementerian, bukan bagi pihak diri saya sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, tetapi hendaklah dinyatakan dahulu. Silakan.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, padang-padang golf yang terdapat di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pada masa kini dibina kebanyakannya di atas tanah-tanah berbukit, paya dan tanah pertanian yang tidak lagi mengeluarkan hasil pertanian yang lumayan.

Berdasarkan kepada maklumat yang ada didapati, keluasan tanah yang sesuai untuk pertanian di Semenanjung Malaysia adalah dianggarkan berjumlah 15.5 juta hektar, sedangkan jumlah keluasan padang-padang golf yang ada dianggarkan berjumlah 8,447 hektar sahaja iaitu kira-kira 0.054% daripada keluasan tanah yang sesuai untuk pertanian.

Oleh yang demikian, ia tidak akan membawa kesan negatif terhadap kegunaan tanah untuk mengeluarkan hasil makanan dan pertanian.

PENGAJARAN NYANYIAN DI PERINGKAT KBSR - KAJIAN

8. Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Pendidikan menyatakan samada Kementerian beliau, dalam usaha hendak menghasilkan rakyat yang kasih dan taat setia kepada negara, akan mengkaji semua pengajaran nyanyian di peringkat KBSR, iaitu selain daripada lagu-lagu kanak-kanak yang biasa diajar, seberapa banyak yang boleh lagu-lagu patriotik tanah air, khususnya lagu-lagu yang dicipta dari dahulu lagi serta juga lagu-lagu yang memenangi hadiah-hadiah dalam pertandingan mengarang lagu patriotik yang diadakan setiap kali menjelang hari Kemerdekaan, akan juga diajar kepada murid-murid, memadangkan murid-murid mudah sekali menghayati lagu-lagu yang seringkali didengar di radio dan televisyen. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut KBSR, pengajaran nyanyian memang telah dimasukkan ke dalam mata pelajaran Muzik. Setakat ini program berkenaan telah menggunakan lagu-lagu yang mampu menerapkan nilai budaya dan menanamkan semangat cintakan negara. Dari semasa ke semasa, pihak Kementerian Pendidikan berusaha membekalkan koleksi lagu-lagu tambahan yang sesuai sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Sebahagian daripada bahan tersebut sememangnya dipilih daripada lagu-lagu patriotik yang pernah memenangi Pertandingan Nyanyian Lagu-lagu Patriotik.

AKTA PENGAGIHAN HARTA 1958 - PINDAAN

9. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah cadangan untuk memindahkan Akta Pengagihan Harta 1958 supaya waris sama ada lelaki ataupun perempuan dapat hak yang sama dalam mewarisi harta pusaka. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen di-Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar atas peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Pembahagian Harta 1958 (Akta 300). Mengikut Akta tersebut, pembahagian harta pusaka si ~~ni~~ bukan Islam tanpa wasiat adalah sebagaimana dinyatakan dalam Akta itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji dengan teliti sebelum cadangan pindaan kepada Akta itu dibuat.

LESEN TV - MENAIKKAN KADAR

10. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada lesen TV akan dinaikkan kerana mutu siaran televisyen adalah memuaskan ataupun kerana sebab-sebab lain seperti kos penyelenggaraan telah bertambah naik ataupun kerana bayaran royalti kepada artis-artis yang sedang giat menaikkan imej Malaysia dari segi lakonan dan nyanyian.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Petua, ingin saya maklumkan di sini bahawa buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menaikkan kadar bayaran lesen televisyen yang ada sekarang.

KADAR FAEDAH PINJAMAN - KAWALAN

11. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Kewangan menyatakan kebanyakan Bank Perdagangan termasuk Bank Koperasi mengenakan faedah yang begitu tinggi kepada peminjam. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan atau mengawal faedah yang dikenakan agar dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh peminjam.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, faedah pinjaman yang dikenakan oleh bank perdagangan adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan berdasarkan kadar pemberian pinjaman asas BLR ditambah dengan margin tertentu bagi menampung risiko pinjaman. Mulai Februari, 1991 Kerajaan tidak lagi mengawal kadar faedah bank perdagangan. Di bawah regim kadar faedah bebas yang berdayasaing, produktiviti akan meningkat kerana setiap bank akan memperbaiki kawalan dan kecekapan kos masing-masing bagi memastikan institusi bank terus mendapat keuntungan.

Pada masa ini, kos dana bank adalah lebih tinggi berbanding dengan beberapa tahun yang lepas. Sebagai contoh, purata kadar deposit tetap bank untuk tiga bulan ialah lebih kurang 7.1%, berbanding dengan 5.6% pada tiga tahun lepas, dan 3.3% pada lima tahun yang lalu.

Walau bagaimanapun, sejak beberapa bulan kebelakangan ini, kos dana bank Base Lending Rate dan kadar faedah pinjaman bank mula beransur turun. Sebagai contoh, BLR bagi bank-bank perdagangan pada bulan Jun tahun ini adalah di antara 7.75% hingga 9.5% berbanding

dengan 8.15% ke 9.75% pada akhir tahun lepas. Namun begitu, untuk menjaga kepentingan rakyat, Kerajaan telah menetapkan kadar faedah bagi sektor-sektor terpilih seperti berikut:

- (a) Bagi rumah yang tidak melebihi nilai RM100.00, kadar pinjaman ditetapkan tidak melebihi 9% atau 1.75% di atas BLR bank.
- (b) Bagi pinjaman yang dijamin oleh Syarikat Jaminan Kredit Malaysia (CGC), kadar pinjaman telah ditetapkan tidak melebihi 1.5% di atas BLR bank.

Kerajaan telah juga menyediakan beberapa skim biayaan khusus bagi usahawan kecil perumahan dan lain-lain bagi mengurangkan masalah pengguna dan peminjam.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah risiko pinjaman menjadi salah satu daripada kriteria untuk menentukan faedah ini, walhal jika sesuatu pinjaman itu berisiko, maka biasanya bank yang berkenaan akan menolak permohonan itu?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sekiranya pinjaman itu dianggap mempunyai risiko, tahap risiko adalah berbeza. Ada projek yang dianggap berdaya maju, yang mempunyai risiko rendah. Ada projek yang dianggap cukup baik dari segi kajian feasibility, tetapi dianggap berisiko tinggi kerana keadaan pasaran tidak menentu, order barangan yang belum pasti dan sebagainya. Jadi, oleh kerana wang itu dipinjam, maka soal risiko itu diambilkira.

Tuan Saad bin Haji Man: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank dagangan di negara kita sekarang ini masih rendah ataupun competitive, dengan izin, kalau dibandingkan dengan kadar-kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank dagangan di negara-negara sekitar negara kita, iaitu negara-negara ASEAN.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Jika dibandingkan dengan kadar faedah di negara-negara ASEAN, maka kadar faedah di Malaysia adalah relatif rendah. Jika dibandingkan dengan beberapa negara lain di Eropah dan sebagainya, maka kadar faedah itu adalah relatif tinggi. Ini melibatkan pertimbangan macro-economy, kerana kadar faedah itu selain dari melihat kepada soal pasaran pusingan wang yang berlegar di dalam negeri, juga tentang pertimbangan kita untuk mengawal inflasi. Oleh kerana inflasi berjaya dikawal, alirannya (trend) sekarang ialah ke arah menurunnya cara beransur kadar faedah di negara kita.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kewangan bercadang menurunkan kadar faedah kepada pembeli-pembeli Proton Saga, iaitu 9%, sedangkan kereta biasa kadar faedah hanya 6.5% sahaja?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ini sebenarnya tidak ada hubungan langaung dengan Kementerian Kewangan. Ia melibatkan syarikat-syarikat yang terlibat dalam penjualan dan pembelian Proton. Kalau dianggap harga itu agak terlalu tinggi, saya fikir tentulah orang tidak akan tertarik untuk beli. Tetapi kerana permintaannya begitu tinggi, saya kira ia belum merupakan satu masalah sehingga perlu Kementerian Kewangan campurtangan.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa masalah inflasi telahpun dikawal dengan adanya suatu dasar bekalan wang yang agak ketat dalam bulan-bulan kebelakangan ini ataupun satu

dua tahun kebelakangan ini. Pada masa yang sama, ada juga kos yang terlibat, umpamanya permintaan pada peringkat runcit telahpun diturunkan, dan ini mungkin adalah salah satu punca mengapa kadar inflasi dikawal. Tetapi kalau ini berterusan, ini mungkin tidak begitu baik juga untuk ekonomi makro, kerana dengan permintaan yang lembab pada peringkat runcit ini akan merugikan syarikat-syarikat tersebut. Jadi, apa yang saya ingin tanya ialah adakah Kementerian Kewangan bercadang melonggarkan sedikit dasar bekalan wang yang ketat ataupun tight monetary policy ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya jelaskan, sebelum Kementerian atau Kerajaan menimbangkan untuk melonggarkan dasar kewangan yang agak ketat, kita harus melihat prestasi umum ekonomi negara termasuk kadar inflasi. Sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat, memang benar kadar inflasi jauh lebih terkawal. Sebab itu sekarang ini kita membiarkan supaya kadar faedah itu menurun secara beransur-ansur. Kita tidak mahu tergesa-gesa kerana sementara kita mahu permintaan bertambah, kita tidak mahu inflasi meningkat. Kalau kadar inflasi meningkat, pengguna yang akan menampung kerugian. Lagi pun kadar faedah di negara kita relatif dengan negara-negara jiran, itu agak amat baik sekali. Kalau saya diizinkan membandingkan umpamanya dengan Thailand, Filipina atau Indonesia, itu tidak ada 'basis' untuk perbandingan sama sekali, kerana kadar faedah di negara-negara tersebut jauh lebih tinggi dan tidak dianggap munasabah dalam konteks dasar kewangan negara kita.

INSTITUT INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA - PENUBUHAN

12. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Kementerian merancang mengadakan satu Institut Industri Kecil dan Sederhana supaya Kerajaan dapat menyatukan segala usaha membantu pembangunan IKS demi memberi perkhidmatan tersebut melalui "one stop agency".

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sememangnya mempunyai rancangan untuk menubuhkan sebuah agensi pusat (central agency) bagi pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negara ini. Pada masa ini pihak Kementenan sedang menyediakan kertas cadangan bagi penubuhan agensi tersebut untuk kelulusan pihak Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Michael Boon Thiam Joon,

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

PENGGUNAANTANDA "HALAL"- MEMELIHARA SENSITIVITIAGAMA

13. Tuan Ding Seling [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada pembekal-pembekal bahan-bahan makanan seperti bebola ikan (fish ball) prihatin terhadap rakyat Malaysia yang berbilang agama supaya apabila mereka mengeluarkan bahan-bahan makanan ianya tidak melanggar agama yang terbesar di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, pengusaha dan pembekal bahan-bahan makanan seperti bebola ikan, prihatin terhadap rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang agama dan adat resam di negara **ini**. Namun demikian, terdapat juga sebilangan kecil dari mereka ini yang hanya memikirkan keuntungan semata-mata dan melariskan jualan mereka tanpa mengambilkira betapa sensitifnya isu makanan **ini**, terutamanya di kalangan orang-orang Islam.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah, sedang dan akan terus mengadakan sesi penerangan, taklimat, bengkel dan sebagainya kepada pengusaha dan pembekal makanan bagi menentukan mereka menghayati dan lebih prihatin, terhadap bahan-bahan makanan yang mereka keluarkan supaya tidak menyinggung mana-mana pihak. Di samping itu, Bahagian Hal Ehwal Islam ada mengeluarkan sijil "halal" kepada pengusaha dan pembekal makanan yang memohon kepada Bahagian itu untuk mendapat sijil tersebut. Sijil akan dikeluarkan setelah Bahagian itu berpuashati bahawa bahan-bahan mentah yang digunakan dan cara memprosesnya adalah bersih mengikut hukum syarak.

Selain dari itu, Bahagian Hal Ehwal Islam juga ada mengeluarkan buku garis panduan berhubung dengan makanan bagi orang-orang Islam dalam Bahasa Malaysia, Cina dan Inggeris dengan harapan para pengusaha dan pembekal bahan-bahan makanan akan terus prihatin terhadap isu yang amat sensitif ini dalam negara di mana penduduknya terdiri dari berbilang agama.

PENJENAYAH MERBAHAYA - MENGHAPUSKAN

14. **Tuan Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dengan terbunuhnya penjenayah merbahaya P. Kalimuthu dan beberapa lagi penjenayah lain sebelum ini membuktikan bahawa Pasukan Polis kita amat handal dalam mengesan gerakan jenayah. Bolehkah Kementerian beliau memberi jaminan bahawa dengan kebijaksanaan yang ada pada Pasukan Polis kita dapat menghapus penjenayah-penjenayah yang masih ada di negara kita ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Pasukan Polis menghapuskan penjenayah yang paling dikehendaki iaitu Kalimuthu dan penjenayah-penjenayah yang lain, sebelum ini adalah membuktikan kecekapan Pasukan Polis yang amat membanggakan. Walau bagaimanapun, kejayaan

tersebut bukanlah kejayaan Pasukan Polis semata-mata, bahkan juga hasil daripada kerjasama, sokongan dan maklumat orang ramai seperti penggunaan teknik-teknik dan peralatan-peralatan yang canggih oleh Pasukan Polis. Kerajaan yakin Pasukan Polis sentiasa memastikan supaya setiap penyiasatan dilakukan dengan tekun dan cekap untuk mencapai kejayaan yang cemerlang sebagaimana yang diharapkan oleh orang ramai.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kedudukan kes penjenayah Mona Affendy dan rakan-rakan. Adakah pasukan Polis dapat menangani kes ini sepertimana pasukan Polis telah menangani kes P. Kalimuthu tadi?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah kita baca di dalam akhbar baru-baru **ini**, kes ini masih di dalam tindakan mahkamah dan juga masih di dalam siasat lanjut pihak Polis. Jadi, tidak wajar kalau saya mendedahkan apa-apa maklumat.

PROJEK JALAN RAYA MIRI/LONG LAMA/LIMBANG/LAWAS - KEMAJUAN

15. Tuan Ding Seling minta Menteri Kerjaraya menyatakan:-

- (a) berapa kilometer lagi jauhnya jalan raya dari Miri/Long Lama/Limbang/Lawas yang belum siap;
- (b) sama ada kerja-kerja membina jalanraya itu boleh diteruskan dalam tempoh masa dua tahun lagi 6 MP **ini**; kalau tidak;
- (c) bilakah kerja-kerja akan bermula lagi; dan
- (d) bilakah jalanraya ini (Miri/Long Lama/Limbang/Lawas) dijangka selesai dan boleh diguna oleh orang awam.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tinggom anak**Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) Projek jalan raya tersebut adalah dari simpang Jalan raya Miri-Bintulu ke Beluru/Long Tru/Long Lama, Nanga Benamit dan seterusnya ke Limbang dan Lawas. Panjang keseluruhan jalan raya ini adalah lebih kurang dalam lingkungan 238 kilometer. Dari jumlah tersebut, sepanjang 140 kilometer adalah belum siap. Walau bagaimanapun, jarak ini adalah tidak termasuk jalanraya Limbang-Lawas yang dicadangkan akan merintasi kawasan negara Brunei Darulsalam.
- (b) Jalan raya dari Sungai Kinjar di kawasan Long Tru ke Long Lama sedang dilaksanakan dan kerja-kerja ini akan diteruskan dalam tempoh dua tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan (c) dan (d), saya akan menjawabnya, secara serentak.

- (c) pelaksanaan projek ini akan diteruskan dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.
- (d) Pada masa sekarang sebahagian jalan yang telah siap dibina dan boleh digunakan dengan selesa oleh pengguna jalan raya ialah dari Simpang Jalanraya Miri - Bintulu ke Sungai Tinjar di kawasan Long Tru dan Bahagian dari Nanga Benamit

ke Limbang. Jarak keseluruhan yang telah dilaksanakan ialah sepanjang 97.6 kilometer yang mana 27.9 kilometer adalah jalan berturap. Adalah dijangkakan bahawa projek ini akan disambung dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh nanti. Buat masa ini, keutamaan adalah bagi menyiapkan projek ini hingga ke Long Lama,

PETROL TANPA PLUMBUM - PENGGUNAAN

16. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan yang manakah lebih gemar pemilik-pemilik kenderaan kuasa petrol menggunakan di antara minyak petrol tanpa plumbum dan yang mengandungi plumbum dan apakah sebab-sebabnya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi menyatakan sama ada pengguna-pengguna lebih gemar menggunakan petrol tanpa plumbum ataupun petrol premium berplumbum. Ini adalah kerana belum ada kajian yang dibuat oleh Kementerian ataupun mana-mana pihak mengenainya. Walau bagaimanapun, berdasarkan peningkatan penggunaan petrol tanpa plumbum yang telah mencapai tahan 30% sekarang menunjukkan bahawa telah wujud kesedaran di kalangan pengguna-pengguna bahawa penggunaan petrol tanpa plumbum menyumbang udara bersih kepada persekitaran.

Kerajaan percaya dengan adanya kempen-kempen dan promosi mengenai petrol tanpa plumbum serta bertambahnya kesedaran. pengguna akan kebaikan penggunaan petrol tanpa plumbum dari aspek-aspek teknikal seperti enjin lebih bersih, palam penyucuh (spark plug) tahan lebih lama dari pertukaran minyak enjin kenderaan yang lebih panjang, lebih ramai pengguna akan menggunakan petrol tanpa plumbum.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah Kerajaan berhasrat untuk menaikkan harga petrol yang mengandungi plumbum ataupun menurunkan harga petrol tanpa plumbum supaya penggunaan petrol tanpa plumbum dapat dipertingkatkan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Pihak Kerajaan telahpun menimbang perkara itu dengan mendalam dan masih sedang menimbang, tetapi buat masa ini kita lebih bercadang untuk menggalakkan penggunaan petrol tanpa plumbum itu dengan cara pengajaran tentang kebaikannya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, plumbum ini apa bendanya? [Ketawa] Apa ertinya yang sebenar plumbum ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Satu lagi Datuk ialah tentang palam pencucuh. Itu apa pula?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Termasuklah itu.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggerisnya ialah 'leaded and unleaded petrol'. Jadi, sebagaimana yang saya kata, kalau kita menggunakan petrol tanpa plumbum itu ianya tidak akan banyak mengeluarkan sisa-sisa yang akan memudaratkan persikataran (environment), dan ia juga dapat banyak membantu supaya enjin motokar kita lebih baik seperti yang saya kata tadi, iaitu

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk mendapat barang baik?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya. [Ketawa] Palam pencucur (spark plug) tahan lebih lama dan pertukaran minyak enjin pun lebih panjang dan berbagai-bagai aspek yang lain. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Jamaludin, nampaknya ada lagi.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menekankan soalan sahabat sahaja tadi, iaitu Yang Berhormat Datuk Ahmad tadi menanyakan plumbum ita **apa**. Adakah plumbum itu sejenis acid, sejenis batang atau sejenis **air**. Itu yang dimaksudkan dan yang ditanya "plumbum itu apa"?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Dalam bahasa Inggerisnya ialah "lead" - sejenis logam. Di dalam Bahasa Melayunya "plumbum"lah. [Ketawa]

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Siapakah yang mencipta perkataan "plumbum" itu? Adakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau Dato' Abdul Kadir Sheikh Fadzir sendiri?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ini kena tanya Dewan Bahasa dan Pustaka ataupun Menteri Kewangan yang selalu bawa keluar perkataan baru semasa pembentangan Budget. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, "plumbum" itu ialah "lead". "Lead" itu saya rasa bahan untuk membuat sampul peluru, kalau boleh saya tambah.

SKIM SEWA BELI OLEH EJEN KOPERASI PENGGUNA - PENYELEWENGAN

17. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa masih terdapat penyelewengan dalam urusan Skim Sewa Beli yang diuruskan oleh ejen-ejen Koperasi Pengguna seperti pinjaman barang kemas boleh ditukar dengan wang tunai di mana peminjam mengalami harga susut nilai; kalau sedar, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[**Tuan Mohd. Noh bin Rajab**]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak sedar tentang penyelewengan seperti yang disebutkan kerana tidak ada apa-apa aduan yang diterima sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu mengenai susutan harga yang telah dilaporkan dalam akhbar-akhbar telah dikelirukan oleh pihak ahli yang terbabit. Ini adalah kerana jumlah pinjaman yang diberikan oleh koperasi untuk mendapatkan barangan kemas adalah termasuk komisyen dan faedah pinjaman bagi keseluruhan tempoh bayaran balik sesuatu pinjaman itu. Ini bermakna kos asal barang kemas tersebut adalah lebih rendah daripada harga belian ahli. Seterusnya ahli tersebut telah menjual barangan itu dan ditawarkan dengan harga yang rendah daripada pembeli yang lain. Pihak yang membeli barang kemas tersebut cuba mengambil keuntungan dari harga asal barang tersebut. Dengan kata lain, jumlah pinjaman bagi barang tersebut adalah lebih tinggi dari harga barangan tersebut jika dijual di tempat lain.

Oleh yang demikian, susutan harga bukanlah merupakan penipuan oleh pihak franchisc tetapi merupakan transaksi urusan biasa. Sebagai contoh, kos asal barang RM3,500, faedah dan komisyen atas jualan sebanyak RM1,500, jumlah pinjaman berjumlah RM5,000. Apabila dijual kepada kedai barang kemas yang lain, pihak berkenaan akan membeli pada harga kurang dari harga RM3,500. Dari contoh di atas, jelas menunjukkan bahawa ianya adalah transaksi biasa sesuatu urusan di atas pilihan sendiri pembeli yang berkenaan.

Penyalahgunaan skim ini boleh juga berlaku di mana-mana. Adalah terpujang kepada koperasi berkenaan memperketatkan tatacara pinjaman yang diberi kepada ahli-ahli. Keadaan tersebut sebenarnya

berlaku juga di setengah-setengah koperasi pengguna di mana ahli-ahli membeli barang-barang makanan dengan kredit dan kemudian menjual kepada pihak lain dengan harga yang murah semata-mata kerana desakan untuk mendapatkan wang tunai.

Pada tahun 1991, berdasarkan kepada hasil penyiasatan tersebut, Kerajaan mendapati aktiviti yang dijalankan oleh koperasi adalah mematuhi undang-undang kecilnya dan Akta Koperasi 1943 (semakan 1983) dan ahli yang mendapat kemudahan tersebut sebenarnya yang menyalahgunakan kemudahan yang diberi kepada mereka dan mereka sepatutnya dipersalahkan. Dengan ini, Kementerian tidak dapat mengambil tindakan ke atas perkara tersebut kerana kawalan ke atas ahli atau pembeli dalam menentukan sama ada ahli itu benar—benar menggunakan barangan yang dibeli itu adalah di luar bidang tugas dan kuasa Kementerian. ini kerana ia bergantung kepada budibicara ahli-ahli itu sendiri..

Sehubungan dengan itu, pembeli sukar dikawal dari bertindak untuk menjual semula barang-barang yang telah dibeli kepada pihak lain walaupun dengan harga-yang lebih rendah untuk mendapatkan wang tunai. Koperasi yang berkenaan tidak terlibat dalam tindakan pembeli yang menjual barangnya dengan diskaun setelah diperolehi dengan wang pinjaman dari koperasi. Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan sebegini di koperasi-koperasi yang boleh menggugat dana kewangan koperasi-koperasi berkenaan untuk memberi kemudahan pinjaman kepada lain-lain ahli yang benar-benar memerlukan pinjaman,

Jabatan Pembangunan Koperasi akan menasihatkan koperasi berkenaan memperketatkan tatacara kemudahan-kemudahan pinjaman yang diberi kepada ahli-ahli. Tindakan ini akan diambil oleh Jabatan, jika ia menerima aduan dari ahli-ahli yang berkenaan.

PEGAWAI KHAS DI KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI - PENGWUJUDAN JAWATAN

18. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Kerajaan akan wujudkan Pegawai Khas di Kementerian bagi menasihati dan mengawas pelabur-pelabur atau peniaga-peniaga yang ingin melabur atau menjalankan perniagaan dan perusahaan dan jikalau ada bagaimana sambutannya.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Pegawai Khas di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi membantu pelabur dan urusan berkaitannya.

Pada masa ini, Lembaga Kamajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) berperanan sebagai "one stop agency", dengan izin, bagi memberikan khidmat dan maklumat kepada pelabur-pelabur. Fungsi utama MIDA sebagai advisory service centre ialah untuk menerima, memproses dan menyampaikan keputusan berhubung dengan perkara-perkara antara lain: —

- (i) Permohonan lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975;
- (ii) permohonan bagi galakan cukai;
- (iii) permohonan bagi jawatan-jawatan expatriate;
- (iv) permohonan untuk perlindungan tarif;
- (v) permohonan untuk pengecualian duti kastam dan cukai jualan ke atas mesin dan peralatan;
- (vi) kelulusan perjanjian pemindahan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan MIDA bertugas dengan berkesan, pegawai-pegawai kanan Kerajaan daripada Kementerian dan Jabatan telah ditempatkan di MIDA seperti Jabatan Imigresen, Kementerian Sumber Manusia, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia. MIDA juga mempunyai pejabat-pejabat di seluruh negara untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap berhubung dengan pelaburan di peringkat aegeri.

AFTA - TINDAKAN POSITIF ASEAN UNTUK MENJAYAKAN PELAKSANAAN

19. Datuk David Teoh Eng Hock minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri raenytakan sama ada semua negara dalam ASEANmahu menjayakan AFTA (ASEAN Free Trade Area) dan jika benar, apakah tindakan positif yang dijalankan oleh negara-ncgara dalam ASEAN iai.

Tuan Choa J u i. Meng: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,. semua negara-negara ASEAN telah bersetuju dan sedang menjayakan pelaksanaan AFTA atau, dengan izin, ASEAN Free Trade Area. Komitmen telah pun diberikan oleh negara—negara ASEAN untuk melaksanakan potongan tarif di dalarn tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian iaitu bagi 15 barangan yang dikenalpasti di dalam trek laju atau fast track. Pemotongan tarif ke 0%. sehingga 52 akan dilaksanakan dalam jangka ~~masa~~ 7 sehingga 10 tahun. Manakala bagi trek biasa pula, pemotongan tarif ke 0% sehingga 5% akan dilaksanakan dalam jangkamasa 10 sehingga 15 tahun.

Di dalam menjayakan komitmen tersebut, negara-negara ASEAN telah pun membuat pertukaran maklumat senarai program potongan tarif. Di samping itu, usaha-usaha bagi menghapuskan sekatan-sekatan bukan tarif dan juga penyeragaman piawaian (standards) juga sedang dibincangkan dalam usaha menjayakan AFTA.

Untuk makluman Yang Berhormat. juga, permulaan potongan tarif oleh setiap negara ASEAN telah pun diumumkan. Sungguhpun tarikh permulaan potongan tarif adalah berbeza, namun komitmen untuk menurunkan cukai seperti dalam perjanjian ini masih diikuti. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan terus dijalankan untuk mendapatkan persetujuan. memulakan potongan tarif yang lebih awal. Dalam masa yang sama, beberapa negara ASEAN telah pun melaksanakan potongan tarif 3 cara unilateral. Misalnya, Thailand telah menurunkan tarif ke atas 1,400- barangan ke paras 30% sebagai persediaan potongan tarif di bawah CEPT atau Common Effective Preferential Tariff Scheme. Indonesia dan Filipina telah juga menguatkuasakan potongan tarif bagi tujuan yang sama.

Bagi Malaysia, Kerajaan telah melakukan potongan tarif ke atas 641 barangan melalui- anggaran belanjawan 1993 pada bulan Oktober tahun lalu.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh MITI untuk menyediakan industri tempatan menghadapi era AFTA dari segi merebut pasaran yang lebih besar dan iuga menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada ASEAN kepada AFTA.

**PERATURAN TIDAK MEMBENARKAN PEMBAHARUAN CUKAI JALAN
BAGI PEMILIK KENDERAAN TERPAKAI YANG DISENARAI-HITAMKAN -
PENARIKAN BALIK**

20. Tuan Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kesan dari penarikan balik peraturan tidak memperbaharui lesen jalan bagi pemilik-pemilik kenderaan terpakai yang disenarai-hitamkan kerana gagal membayar saman:

- (a) ini tidakkah merugikan Kerajaan;. dan
- (b) tidakkah dengan kelonggaran ini memberi peluang kepada orang-orang yang membuat kesalahan selama ini melepasi diri dari dibawa ke mahkamah.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, penarikan balik peraturan tidak membenarkan pembaharuan cukai jalan bagi pemilik-pemilik kenderaan terpakai yang disenarai-hitamkan sebenarnya adalah bagi kenderaan-kenderaan yang telah dijual atau ditukarmilik oleh pihak pemilik lama (yang melakukan kesalahan) kepada pembeli atau pemilik baru (yang tidak melakukan kesalahan). Oleh itu, tiada kesan yang negatif akibat penarikan balik senarai hitam bagi kes seperti dinyatakan.

Bagi soalan:

- (a) Kerajaan tidak mengalarai kerugian; daa
- (b) Orang-orang yang melakukan kesalahan sebenarnya tidak dapat melepaskan diri kerana senaraihitam masih dikenakan atas lesen memandu atau kenderaan-kenderaan lain yang dimiliki bleh pesalah berkenaan dan beliau dikehendaki menyelesaikan kes saman terhadapnya terlebih dahulu sebelum lesen memandu atau cukai jalan kenderaannya dibenarkan untuk dibaharui.

**PEMOHON YANG HENDAK MENDAFTAR UHTUK BERKAHWIN -
UJIAN DARAH**

21. Tuan Ho Cheng Wang minta Menteri Kesihatan menyatakan untuk mencegah merebak penyakit AIDS dan sebagainya, adakah Kementerian akan bercadang, sebelum pendaftaran perkahwinan dijalankan, pemohon-pemohon pasti melalui "ujian darah" atau "blood test" dan sila beri sebab-sebab mengapa tidak.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kementerian Kesihatan tidak bercadang supaya pemohon-pemohon yang hendak mendaftar untuk berkahwin mesti melalui ujian darah atau 'blood test'. Antara sebab-sebabnya termasuklah masalah 'window period', ujian makmal dan memberi kesan 'false sense of security' kepada mereka yang didapati negatif. Masalah kehendak naluri semulajadi manusia untuk berkahwin, masalah secara penguatkuasaan dan juga berdasarkan " fakta-fakta jangkitan kuman AIDS yang akan menyerang kepada sesiapa sahaja, sama ada belum atau sudah-berkahwin yang menjalankan aktiviti-aktiviti berisiko tinggi. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahaa tidak ada ya? Saya ingat ada masa untuk satu atau dua soalan. Yang Berhormat Tuan Haji Syed Abul Hamid Sagaff.

PAS LAWATAH KEPADA PEKERJA ASING - JUMLAH

22. Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah pekeria asing yang memohon Pas Lawatan (Keria Sementara) MRC setakat ini; dan
- (b) jumlah levi yang dapat dikutip menerusi Pas Lawatan (Kerja Sementara).

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak 1hb Julai 1992 hingga 31hb Mei 1993, seramai 234,061 pekerja asing di negara ini telah memohon dan dikeluarkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) untuk bekerja di sektor-sektor perladangan, pembinaan, perkhidmatan, pembantu rumah dan pembuatan serta lain-lain sektor yang dibenarkan.
- (b) Dalam tempoh yang sama, jumlah levi yang dikutip dari pekerja-pekerja asing ialah sebanyak RM83,648,100.

JURURAWAT ASING - PERGAMBILAN

23. Puan Hajah Selemiah binti Hashim minta Menteri Kesihatan menyatakan memahami hakikat bahawa Malaysia kekurangan jururawat, bolehkah Kementerian memberi data-data bilangan jururawat asing yang telah diarahil bekerja dan di negeri manakah mereka ini bertugas. Tidakkah ada rancangan Kerajaan bagi mengambil. pelatih-pelatih iururawat daripada negara sendiri dari masa ke semasa.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat, Ahli Yang Berhormat sehingga 15hb Julai 1993, bilangan jururawat asing yang telah dikeluarkana perakuan pengaraalaa sementara (temporary practising certificate) dan sedang berkhidmat di Malaysia adalah seramai 185 orang. Taburan penempatan mereka mengikut negeri di Malaysia. adalah aepterti bcrikut:

Negeri	Bilangan Jururawat (orang)
Wilayah. Persekutuan dan Kuala Lumpur	52
Johor	23
Selangor	21
Pulau Pinang	19
Perak	17
Melaka	1
Kelantan	14
Terengganu	10
Kedah	12
Pahang.	12
Sabah	3
Sarawak	1
Jumlah	185 orang

Berhubung dengan rancangan pengambilan pelatih-pelatih jururawat daripada negara kita, suka saya menjelaskan di sini, Kementerian Kesihatan sememangnya ada mengambil calon-calon yang berkelayakan bagi menjalani kursus jururawat sebagai pelatih-pelatih jururawat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, jururawat yang datang dari negeri asing tadi, manakah negara-negaranya dan apa apakah keistimewaannya?

Dato' K. Kumaran: Saya jawab soalan yang kedua. Tidak ada keistimewaan khas, tetapi mereka mempunyai kelayakan yang diiktirafkan oleh Kerajaan kita. Negara-negara asal mereka ialah India, Myanmar dan Vietnam. Thai bagi hospital kerajaan. Bagi hospital swasta, ada yang datang dari banyak negara iaitu Australia, Ireland, Holland, Denmark, Singapura, Jepun, New Zealand, Nigeria termasuk Indonesia.

Timbalan Yang di—Pertua: Sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 24 hingga 50 akan dimaukkan ke dalam ~~masih~~ bercetak kclak]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG WILAYAH PERSEKUTUAN LAPORAN
(PINDAAN ORDINAN KERAJAAN TEMPATAN) 1993**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambuang semula perbahasan atau masalah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. [9hb Ogos, 1993]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan. Tuan Osu menyambungkan jawapan.

3.37ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Bin Sokam]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan setnalam, kenapa 'oxidation pond', dengan izin, sesuai digunakan di negara kita dan tidak sesuai digunakan di negara-negara barat.

Sebagai lanjutan, sistem yang digunakan di Barat atau di negara-negara maju, iaitu sistem di bawah tanah, semuanya jenis mekanikal yang mesti diselenggarakan dengan baik. Kalau tidak, akan mengakibatkan masalah seperti keluaran gas, hydrogen sulphide yang boleh menjadi bahaya kepada kesihatan dan juga gas "Miten" yang boleh meletup.

Di negara ini, sistetn rawatan najis boleh dibina di bawah tanah, tetapi kos pembinaannya akan naik dan pengguna-pengguna akan dibebankan dengan caj-caj yang tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada raasa ini kita mengenakan caj RM3 satu rumah,

tetapi itupun ada masalah untuk mendapatkan bayaran seperti yang berlaku di Penang baru-baru ini.

Saya akui memang oxidation pond yang terdapat di negara kita mungkin ada menimbulkan kecacatan pemandangan, tetapi ini boleh kita elakkan. Ini boleh dielakkan jika pihak berkuasa tempatan dapat meminta pemaju atau majlis tempatan sendiri mengadakan landscape dilakukaa di sekeliling 'oxidatioa pond' itu.

Mengenai penggunaan 'oxidation pond' di Labuan, ingin saya terangkan pemilihan jenis sistem pembedungan yang akan digunakan adalah berdasarkan kepada beberapa faktor. Sama ada 'oxidation pond' akan digunakan atau tidak tertakluk kepada kos tanah dan kos penyelenggaraan sistem pembedungan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjamin bahawa sistem pembedungan yang sesuai dan yang bagus sahaja akan dapat dilaksanakan di Labuan. Saya percaya dengan harga tanah yang akan melambung tinggi di Labuan akan mengakibatkan 'oxidation pond' tidak mungkin sesuai digunakan.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba telah mengemukakan beberapa perkara tentang caj pcrkhidmatan pembedungan di Taman Tun Razak.

Suka saya nyatakan di sini bahawa caj perkhidmatan pembetulan kepada pengguna tangki septik di Taman Tun Razak tidak berasas kepada penggunaan air. Apabila sistem perabungan ini diswastakan nanti, masalah ini tidak akan timbul lagi kerana tiap-tiap rumah akan dikenakan caj RM3.00 sahaja sebulan bagi perkhidmatan penyedutan enap cemar dari tangki septik. Caj ini adalah berupa satu 'flat rate'. yang tidak berasaskan kepada kadar cukai pintu atau caj **air**. Caj-caj tersebut akan dikutip melalui bil-bil air dan mekanisme kutipan akan dirunding oleh pihak swasta dengan Jabatan Bekalan **Air**. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua menpengurusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDAHG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN) 1993**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1993 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila,

Tuan Douglas Uggah Embas: Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda peruntukan Akta Pertubuhan 1966 yang berkaitan dengan pemindahan harta sesebuah pertubuhan yang dibubarkan kepada pertubuhan yang baru ditubuhkan.

Adalah dimaklumkan bahawa di bawah Seksyen 17 Akta Pertubuhan 1966 yang sedia ada telah membuat peruntukan terhadap pemberian atau disposal harta sesebuah pertubuhan yang telah dibubarkan. Manakala peruntukan Seksyen 17A .Akta tersebut membuat peruntukan yang sama terhadap harta di cawangan-cawangan pertubuhan yang telah dibubarkan. Adalah diperhatikan bahawa Seksyen 17B pula telah membuat peruntukan khusus mengenai pemindahan harta sesebuah pertubuhan yang dibubarkan dan terletak kepada Pegawai Pemegang Harta sebelum dipindahkan kepada pertubuhan yang baru ditubuhkan.

Pertubuhan baru itu perlulah mempunyai perlembagaan serta kaedah-kaedah yang lebih kurang serupa dengan pertubuhan yang dibubarkan. Di samping itu, dari segi keahlian pula, telah ditetapkan supaya lebih daripada 50% daripada ahli-ahli pertubuhan lama hendaklah menjadi ahli dalam pertubuhan baru.

Peruntukan subseksyen 17B(4) telah memperuntukkan bahawa pampasan ganti rugi hendaklah diberikan kepada ahli-ahli pertubuhan lama yang tidak berdaftar menjadi ahli pertubuhan baru itu dan telah membantah permohonan Pegawai Pemegang Harta untuk memindahkan semua harta dan **liabiliti** kepada pertubuhan baru.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen. 17B membolehkan Pegawai Pemegang Harta memindahkan semua harta dan **liabiliti** pertubuhan lama kepada pertubuhan baru jika ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Seksyen 17B(4) pula mengandungi peruntukan yang tidak praktikal dari segi pelaksanaan dan akan menggagalkan peruntukan 173.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan melicinkan kuasa dan pentadbiran pemindahan harta oleh Pegawai Pemegang Harta adalah dicadangkan supaya subseksyen 173(4) dimansuhkan.

Adalah dicadangkan juga supaya pindaan dibuat kepada subseksyen 17(I)(b)(ii). Tujuan pindaan, ini adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan pembahagian aset berlebihan sesuatu pertubuhan yang telah dibubarkan. Dengan pindaan yang dibuat, kepada subseksyen 17(I)(b)(ii) **ini**, maka kuasa diberikan kepada Pegawai Pemegang Harta dan diletakkan kepada mahkamah untuk meluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya raohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang daa terbuka untuk dibahas.

Silakan, Yang Berhormat Tuan Nazri..

348 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Pertubuhan ini. Saya merasakan bahawa dalam membahaskan Rang Undang-undang ini kita harus mengambilkira satu faktor yang agak penting sekali iaitu Akta Pertubuhan 1966 ini pada ketika ia diwujudkan sebagai satu Akta, maka sudah tentulah segala peruntukan yang wujud dalam Akta itu adalah hasil daripada pengambilan kira suasana yang wujud pada tahun 1966 dahulu.

Oleh kerana undang-undang kita ini merupakan satu perkara yang hidup, maka sudah tentulah satu-satu peruntukan yang ada dalam Akta ini yang diwujudkan mengikut suasana pada tahun 1966, maka sudah tentulah banyak daripadanya sudah tidak boleh digunapakai pada tahun 1993 atau pun pada ketika ini.

Saya boleh bayangkan iaitu di waktu kita mengadakan Akta **ini**, di dalam pemikiran mereka yang telah mewujudkan undang-undang ini sudah tentu pada ketika itu merasakan bahawa persatuan-persatuan dan pertubuhan yang hendak didaftarkan di bawah Akta ini - pada ketika itu mereka memikirkan - inilah keahlian satu-satu persatuan itu tidak mungkin melebihi daripada jumlah sebagai contoh mungkin seribu ataupun dua ribu ahli sahaja.

Sebab itu, pada ketika itu adalah diagak praktik untuk diadakan peruntukan—peruntukan yang mana, kalau berlakunya pembubaran sesebuah persatuan itu, maka segala peruntukan yang wujud dalam Akta Pertubuhan mudah dilaksanakan, kerana Ahli-ahli Parlimen dan Ahli—ahli Dewan Negara, pada ketika **itu**, mewujudkan undang-undang ini tidak terbayang kemungkinan pada satu hari ada persatuan yang mungkin jumlah ahlinya akan melebihi daripada 1 juta ataupun 2 juta ataupun 100,000. Jadi, apa yang praktik kepada peruntukan yang wujud pada 1966 sudah lagi tidak praktik pada tahun 1993. . Dan mungkin juga pada ketika **itu**, iaitu tahun 1966, tidak terfikir kepada kita bahawa persatuan yang bertambah canggih dan akan melibatkan diri dalam mengambilalih harta-harta yang tertentu.

Di suatu ketika dahulu, persatuan ditubuhkan semata-mata kerana hendak mengumpulkan orang bersama di bawah satu panji-panji. Tidak terfikir pada ketika **itu**, persatuan ini akhirnya mungkin akan berkembang dan mungkin seperti manusia juga, akan melibatkan diri di dalam memiliki harta-harta yang tertentu. Sebab **itu**, kita lihat Akta Pertubuhan 1966 adalah begitu simplistik. Banyak daripada peruntukan-peruntukan yang wujud dalam Akta Pertubuhan 1966 adalah terlalu simplistik, mudah kira-kiranya. Tetapi sepertimana kita

semua sedia maklum bahawa sekarang suasana berbeza. Tidak mungkin kita merasakan bahawa suasana akan hanya menjadi statik dan tidak progress, dengan izin, kepada satu tahap yang lebih tinggi dan lebih baik.

Jadi, pada pandangan saya, pada tahun 1993, suasana sudahpun berubah malah kalau diadakan gred-gred yang tertentu untuk membandingkan di antara suasana pada tahun 1993 dengan suasana pada tahun 1966, saya rasa gred itu telah dilipatgandakan dan perbezaannya begitu jauh dari segi kemajuan dan progress. Apa yang saya maksudkan di sini, iaitu suasana berubah. Apa yang praktik pada tahun 1966 tidak lagi praiktik untuk tahun 1993. Tidak semestinya tidak adil. Adil, oleh kerana kita tidak boleh menahan progress dan kemajuan. Sebab itu, saya merasakan sudah sampai waktu dan ketikanya, kalau kita lihat dalam Akta Pertubuhan 1966, terkandung setengah-setengah daripada peruntukan yang tidak boleh digunapakai lagi dan tidak praktik untuk digunakan pada tahun 1993, disabitkan dengan perbezaan dan perubahan yang berlaku selama lebih daripada 20 tahun. Sebenarnya, hampir 30 tahun. Maka ini bermakna peruntukan itu tidak boleh digunapakai pada tahun 1993 ini. hendaklah kita melakukan pindaan supaya jangan undang-undang ini menjadikan satu perkara yang mana ia ada tetapi ia tidak boleh dilaksanakan. Sebab itu, saya amat bersetuju sekali bahawa perlu ada pindaan-pindaan yang tertentu yang harus dilakukan untuk menjadikan Akta Pertubuhan 1966 ini sebagai satu akta yang praktik dan sebagai satu akta yang boleh mengawal perjalanan persatuan-persatuan yang wujud pada tahun 1993 ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sepertimana yang saya telah sebutkan sebentar tadi, ianya akan menjadi undang-undang dan kita tidak akan menyedari bahawa undang-undang itu tidak sesuai kalau sekiranya tidak mengalami sesuatu peristiwa yang menyebabkan kita memikirkan bahawa peruntukan undang-undang itu sudah tidak boleh digunapakai pada tahun **1993 ini**. Sebagai contoh, kita semua tahu bahawa Perlembagaan yang wujud pada tahun 1957, yang sesuai pada ketika itu, sudah lagi tidak sesuai apabila kita melalui peristiwa-peristiwa yang kita lihat bahawa apa yang baik pada tahun 1957 tidak akan menjadi satu perkara yang baik pada tahun 1993. Sebab **itu**, di dalam kita meminda Rang Undang-undang **ini**, satu perkara yang kita harus ingat selain daripada mengingati hakikat bahawa undang-undang itu diwujudkan pada tahun yang berkenaan, suasana telah berbeza dibandingkan dengan tahun sekarang.

Satu perkara yang kita harus ingat ialah undang-undang ini hidup. Hidup, maknanya ia tidak statik. Hidup, maknanya ia tidak bermakna tidak boleh dipinda. Hidup, maknanya kerana ia jangan ditelan oleh arus zaman. Undang-undang mesti selaras dan sesuai dengan kehendak dan suasana yang wujud pada tahun **1993 ini**. Jadi, Oleh kerana undang-undang ini hidup dan kita sedar itu bahawa satu perubahan mesti dibuat untuk menyesuaikan suasana pada tahun 1993 **ini**, maka saya berdiri di **sini** untuk memberikan sokongan yang kuat kepada pindaan ini kerana ia dirasakan adalah perlu. Dan kadangkala, satu perkara yang kita harus ingat, kalau kita tidak menghadapi satu masalah dan kalau kita tidak

mengambil tindakan untuk meminda bagi menyesuaikan dengan suasana yang wujud pada tahun 1993 ini, apa yang akan berlaku ialah kerugian besar kepada persatuan-persatuan. ini dan juga kepada ahli-ahlinya.

Sebab itu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan kerana berani dalam usaha kita meminda Akta Pertubuhan ini dan kerana lebih mengambil berat tentang kepentingan ahli-ahli daripada kita kluatir tentang orang hendak melemparkan kata tidak benar terhadap kita. Sebab itu, Kerajaan yang berani harus mencari jalan untuk mengatasi masalah, bukan dengan menggunakan Akta ini untuk melemparkan kata-kata kesat dan cidak bertanggungjawab kepada pihak yang berani untuk meminda undang-undang ini kerana untuk menyesuaikan dengan suasana dan kehendak pada tahun 1993 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita tengok bahawa sesuatu peristiwa itu berlaku bukan kerana satu perbuatan yang merupakan jenayah yang dilakukan oleh sesuatu persatuan itu yang boleh menyebabkan ia dianggap sebagai sudah dibubar. Kita tahu bahawa undang-undang merupakan perkara-perkara teknikal. Kadangkala disabitkan oleh kerana undang-undang ini merupakan satu perkara yang teknikal, kegagalan kita untuk memenuhi satu syarat yang kecil sahaja boleh menyebabkan persatuan itu dianggap sebagai tidak sah lagi. Maka satu faktor yang penting, yang kita harus ingat di sini, kalau sekiranya satu persatuan itu dibubar, seharusnya kita kena jangan ingat pembubaran itu adalah disabitkan oleh kerana satu perkara yang besar, yang dianggap sebagai satu perkara yang melanggar undang-undang. Mungkin kita fikirkan seolah-olah sebuah persatuan itu melakukan satu jenayah yang menyebabkan ia tidak dianggap sebagai persatuan yang didaftar di bawah Akta Pertubuhan ini.

Apa yang saya hendak menyatakan di sini iaitu masalah kesilapan technicality ini boleh berlaku kepada mana-mana persatuan. Kerana satu perkara technicality yang tidak kita sempurnakan, walaupun ia bukan merupakan satu perkara yang besar, tetapi oleh kerana satu perkara yang tidak kita laksanakan, yang dimahukan oleh undang-undang maka ini boleh menyebabkan persatuan kita itu dianggap sebagai telah dibubar. Jadi, soal technicality ini boleh menyebabkan satu persatuan itu dibubarkan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Nazri, boleh duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 6(3), Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak mempengerusikan Majlis **ini**. Dipersilakan.

[Dato' Azumu bin Tak **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Azumu bin Tak: Sila sambung Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, soal technicality ini boleh berlaku kepada mana-mana persatuan tanpa disedari oleh persatuan itu, kemungkinan sesuatu perkara yang gagal dilakukan, oleh pihak cawangannya, ini boleh menyebabkan pertubuhan induk itu akan dianggap sebagai satu persatuan yang tidak sah di bawah pendaftaran Akta Pertubuhan. Maka oleh kerana sesuatu perkara yang begitu kecil boleh menyebabkan datang kesusahan yang begitu besar kepada ahli-ahlinya, maka adalah wajar saya fikirkan bahawa sesuatu harus dilakukan untuk memperbetulkan suasana yang saya rasakan tidak betul ini.

Jadi, dalam soal ini kita harus ingat bahawa, yang saya sebut sebentar tadi ia boleh berlaku kepada mana-mana persatuan dan parti. Tidak kira pada hari **ini**, ada yang mengatakan bahawa parti atau persatuan yang segagah seperti UMNO **pun**, oleh kerana ada kegagalan yang dilakukan oleh pihak cawangan yang telah lupa untuk mendaftarkan mesyuarat mereka, ini boleh menyebabkan badan induk itu sendiri akan dianggap sebagai tidak sah.

Pada hari ini kita lihat telah pun berlaku kepada sebuah persatuan yang lain iaitu USNO, di mana kegagalan untuk mengikut peraturan yang telah ditentukan oleh Akta Pertubuhan, telah menyebabkan parti induk itu sendiri dianggap sebagai tidak sah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa suasana yang wujud yang saya rasakan iaitu di dalam Akta Pertubuhan ini yang tidak betul dan tidak sesuai lagi dengan perkembangan persatuan di tahun **1993 ini**, maka haruslah kita perbetulkan supaya ia tidak akan mendatangkan masalah yang besar kepada ahli-ahli yang tidak berdosa dan tidak bertanggungjawab di atas perkara yang menyebabkan persatuan mereka itu dianggap sebagai bubar sehinggakan mereka terpaksa kehilangan harta-harta yang mana mereka menjadi pamilik menerusi persatuan yang mereka telah menjadi anggota itu.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana kita lihat bahawa selain daripada soal, mungkin ada setengah pihak yang mengatakan bahawa kita memindahkan Rang undang-undang ini kerana kita hendak merebut aset yang ada di dalam persatuan **ini**. Harus kita ingat bahawa kalau kita membaca Akta Pertubuhan **1966 ini**, walaupun aset

itu merupakan satu faktor yang menyebabkan kita mahu memindahkan Rang undang-undang **ini**, tetapi aset itu tidak boleh lari daripada **liabiliti**. Kalau kita baca di sini bahawa mengikut subseksyen 17B(4), dalam bahasa Inggeris iaitu di bawah Explanatory Statement menyatakan bahawa:-

"Clause 3 of the **Bill** seeks to facilitate the transfer of assets and **liabilities**....."

Ini bermakna bahawa yang kita bincangkan bukan sahaja aset tetapi juga **liabilities**. Saya merasakan bahawa perkara ini penting kerana soal **liabiliti** ini ialah soal pertanggungjawaban, soal responsibility. Jadi, bagi mana-mana persatuan yang mahu supaya mereka diberikan hak untuk menuntut aset, maka dia bukan sahaja menuntut aset malah dia juga akan terpaksa bertanggungjawab di atas **liabiliti** yang telah di'accrued', dengan izin, oleh persatuan itu.

Saya rasa bahawa di dalam soal **liabiliti ini**, pemindahan **milik** ataupun pemindahan **liabiliti** daripada satu persatuan yang telah dianggap sebagai bubar kepada satu persatuan yang baru **ini**, mesti dilaksanakan. Sebab, kalau kita tidak melaksanakan dan menyelesaikan masalah **liabiliti ini**, maka apa yang akan berlaku ialah segolongan manusia akan mewujudkan satu persatuan dan menerusi persatuan itu akan melibatkan **diri** dengan pemilikan harta. Apabila pemilikan harta itu telah berlaku dan persatuan itu merasakan bahawa dia tidak sauggup lagi untuk menanggung **liabiliti ini**, maka dia bubarkan. Dia melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan persatuan dia dibubar, maka dia terlepas daripada '**liabiliti**. Untuk mengelak daripada suasana seperti ini berlaku yang sudah tentulah kalau

persatuan yang telah dibubar, tidak lagi bertanggungjawab di atas **liabiliti** yang telah diaccrue, dengan izin, oleh persatuan **itu**, maka apa yang akan berlaku selepas ini, pihak-pihak bank atau pihak-pihak **institusi** kewangan tidak mahu lagi memberi apa-apa juga bentuk pinjaman kewangan kepada mana-mana persatuan kerana mereka bimbang bahawa segala pinjaman yang diberikan kepada persatuan-persatuan ini, dan kalau sekiranya persatuan ini accrue, dengan izin, **liabiliti** dan selepas itu dianggap sebagai sudah tidak didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan **ini**, maka soal **liabiliti** itu tidak dapat diatasi oleh Akta Pertubuhan **itu**, maka bank-bank dan juga **institusi-institusi** kewangan akan menganggapkan bahawa pinjaman kepada persatuan-persatuan ini merupakan satu pinjaman yang risikonya begitu tinggi. Kerana apa? Kerana kalau mereka ini dibubarkan, maka soal **liabiliti** itu akan menjadi satu persoalan yang begitu besar bagi **institusi-institusi** kewangan dan bank-bank, kerana soal **liabiliti** ini tidak tahu hendak dihalakan kepada sesiapa.

Sebab **itu**, saya merasakan ini adalah, dengan izin, imperative. Saya juga merasakan bahawa kita rnesti, dengan izin, address masalah ini untuk mengelak satu kebimbangan di pihak-pihak bank dan juga **institusi** kewangan untuk mereka memberi pinjaman kepada persatuan-persatuan kerana mereka akan merasa bimbang bahawa **liabiliti** yang diaccrued, dengan izin, oleh persatuan ini tidak dapat diatasi masalahnya oleh Akta Pertubuhan ini. Sebab itu, saya merasakan bahawa antuk kita memberi keyakinan kepada bank-bank dan juga kepada **institusi-institusi** kewangan supaya mereka boleh, dengan izin,

favourable ke arah untuk memberi pinjaman kepada persatuan-persatuan ini, maka soal liabiliti persatuan yang telah dibubarkan itu mesti diaddressed, dengan izin, kita mesti atasi masalah ini kalau tidak, di masa-masa yang akan datang, persatuan-persatuan akan merasakan kesukaran untuk mendapat pinjaman-pinjaman daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan untuk membolehkan mereka membeli harta tetap sebagai ibu pejabat mereka ataupun yang lain-lain.

Jadi, soal ini kita harus lihat sepertimana yang saya sebutkan sebentar tadi bahawa liabiliti ini adalah penting. Sebab itu, Akta Pertubuhan 1966 mesti dipinda untuk dipermudahkan soal pemindahan liabiliti kepada persatuan yang baru yang mengakui bahawa mereka adalah merupakan persatuan yang baru yang berhak untuk mengambilalih persatuan lama yang telah dibubarkan disabitkan oleh kerana ada technicality yang tidak disempurnakan oleh persatuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal **liabiliti** ini juga, kalau Akta Pertubuhan ini menjadi satu halangan yang besar untuk kita menyelesaikan masalah pemindahan **liabiliti** kepada persatuan yang baru, apa yang akan berlaku ialah bahawa **liabiliti** ini akan bertambah. Kalau sekiranya di waktu dan ketika persatuan ini dianggap sebagai tidak sah dan **liabiliti** persatuan itu berjumlah RM100,000. Kalau kita tidak permudahkan Akta ini untuk kita pindahkan **liabiliti** ini kepada persatuan yang baru, maka apa yang akan berlaku ialah **liabiliti** ini akan, dengan izin, **accrue interest**. Kalau kita memakan masa 5 tahun untuk menyelesaikan masalah pindah **liabiliti ini**, bermakna kalau hutang RM100,000 mungkin dalam masa 5 tahun akan bertambah menjadi RM300,000. Ini bukan kerana ahli-ahli persatuan yang baru tidak mahu mengambil tanggungjawab di atas **liabiliti ini**, tetapi kerana Akta Pertubuhan tahun 1966 tidak berkemampuan untuk menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin.

Di sini, ahli-ahli persatuan yang bertanggungjawab, yang mahu menyelesaikan masalah **liabiliti** yang di'**accrued**', dengan izin, oleh persatuan mereka, terpaksa dilakukan perkara tidak adil, kerana Akta pada tahun ini tidak berkemampuan untuk menyelesaikan masalah dengan secepat mungkin. Sebab itu adalah perlu Akta Pertubuhan 1966 ini mesti mempermudah soal memindah **liabiliti** daripada persatuan yang

telah, dibubarkan kepada Persatuan yang baru supaya dapat kita minimise, dengan izin, segala liabiliti yang ditanggung oleh persatuan yang telah dibubarkan itu.

Oleh kerana itulah saya merasakan dalam kita berbahas berkenaan dengan soal hendak meminda Rang Undang-undang Akta Pertubuhan tahun 1966 ini, satu faktor yang harus kita ambilkira ialah tanggungjawab untuk menyelesaikan liabiliti yang ditanggung oleh persatuan, yang telah dianggap sebagai tidak sah disabitkan, oleh kerana tidak menyempurnakan sesuatu teknikaliti yang tertentu di bawah Akta ini. Sebab itu, saya merasakan bahawa Akta Pertubuhan 1966 ini mesti dipinda supaya dapat kita menyelesaikan masalah liabiliti yang ditanggung oleh persatuan yang dianggap sebagai sudah dibubar dan tidak sah di bawah Akta Pertubuhan 1966 ini.

Soal kedua ialah soal aset. Aset ini merupakan satu perkara yang penting bukan sahaja kepada pesatuan-pesatuan, tetapi juga kepada individu-individu. Malah kita semua tahu iaitu bahawa kalau sekiranya seorang manusia meninggal dunia, maka pertamanya dia harus manentukan dia mempunyai wasiat bagi mereka yang bukan beragama Islam. Mereka harus mempunyai wasiat untuk diserahkan aset-aset mereka ini kepada orang-orang yang tertentu, yang dinamakan di dalam wasiat mereka. Dan kalau gagal individu itu untuk menyediakan wasiat, maka Kerajaan ada mempunyai Akta yang tertentu yang mengambil tanggungjawab untuk mengagih-agihkan aset-aset ini kepada mereka yang berhak untuk menerima aset-aset si mati itu.

Di sini dalam kita hendak bercakap mengenai pindaan Akta ini, kita juga bercakap mengenai perwarisan aset ini. Seorang manusia yang meninggal dunia asetnya bukan dibuang, bukan di'cancelled' atau sebagainya, tetapi asetnya diserahkan kepada pewaris. Begitulah juga saya rasa iaitu bahawa mana-mana persatuan yang telah dianggap sebagai tidak sah di bawah Akta Pertubuhan **ini**. Kita harus menentukan iaitu bahawa persatuan ini ada mempunyai pewaris-pewaris dan Akta Pertubuhan tidak sepatutnya menjadi satu halangan untuk melepaskan aset-aset ini kepada mereka yang berhak untuk mewarisi aset-aset **ini**. Sebab aset ini merupakan perkara yang tidak boleh kita elakkan atau satu perkara yang tidak boleh kita menghilangkan dia sebegitu sahaja, Dia mesti ada pewaris, undang-undang logik pun menerangkan iaitu bahawa manusia ada pewarisnya, maka sudah tentulah persatuan juga harus ada pewarisnya.

Manusia yang dianggap meninggal dunia ada pewarisnya, persatuan yang dianggap tidak sah harus ada pewarisnya. Kalau tidak ke mana hendak kita halakan aset-aset yang dipunyai oleh persatuan ini? Hendak kita berikan kepada individu-individu tertentu, ini tidak mungkin boleh kita lakukan, kerana saya sebagai ahli persatuan, saya tidak ada hak milik terus-menerus kepada aset itu. Hak saya adalah menerusi persatuan, jadi kalau satu daripada cara untuk menyelesaikan masalah ini ialah supaya kita-memberikan aset-aset ini kepada ahli-ahli, maka ini tidak boleh dilakukan kerana ahli-ahli tidak

memiliki harta itu secara terus-menerus, tetapi kita hanya memiliki menerusi persatuan ini dan kalau sekalipun kita izinkan supaya harta ini diberikan kepada ahli-ahli, maka soal impracticality cara mana kalau kita hendak memberikan secara adil kepada ahli-ahli persatuan ini. Hendak kita jualkan barang atau harta ini, kemudian kita bahagi-bahagikan kepada ahli-ahli, akan berlaku ketidakadilan kerana ada orang yang mengatakan iaitu bahawa seharusnya dia tidak patut dijual, ada yang mengatakan iaitu bahawa dia patut disewa dan macam-macam lagi.

Ada pula yang mengatakan bahawa aset ini harus dipertahankan dan jangan dijual atau terlepas daripada tangan kita, kita mesti wujudkan sebuah persatuan yang lain, yang akan dihidupkan dan kita mahukan supaya aset ini yang dimiliki oleh persatuan yang telah dibubar harus diwarisi kepada persatuan baru. Ini ada keinginan daripada ahli-ahli persatuan yang tidak mahu kehilangan aset yang dianggap sebagai begitu penting. Walaupun kita boleh jual aset ini dan kita bahagikan kepada ahli-ahli, tetapi ramai daripada ahli-ahli yang tidak akan bersetuju dengan cara ini kerana mereka mahu supaya aset ini dipertahankan. Sebab itulah, saya merasakan bahawa kita perlu meminda Akta Pertubuhan ini, kerana kita harus memastikan ada pewarisan kepada aset-aset yang dimiliki oleh persatuan yang telah dianggap sebagai tidak sah.

Saya telah sebut sebentar tadi bahawa aset-aset ini tidak boleh hilang begitu sahaja. Soal aset ini mesti kita address, dengan izin, mesti kita berikan kepada mereka yang berhak untuk mendapatkan aset-aset ini. Sebab itu, kita mesti permudahkan pemindahan milik

aset-aset daripada persatuan yang telah dianggap tidak sah, disabitkan kerana teknikaliti kepada satu persatuan yang lain, yang mana majoriti daripada mereka yang menjadi ahli persatuan baru **ini**, adalah bekas kepada ahli persatuan yang telah dianggap sebagai tidak sah. Jalan ini mesti dipermudahkan, kalau tidak dipermudahkan sampai bila-bila ianya akan merupakan sebagai satu masalah yang tidak diselesaikan.

Saya lihat di sini iaitu bahawa kalau Akta Pertubuhan ini tidak dipinda, maka berlaku satu persatuan yang dianggap tidak sah, yang mempunyai aset begitu banyak. Saya rasa sampai akhirat pun nanti ianya tidak akan dapat diselesaikan. Kerana apa? Kerana peruntukan di bawah Akta Pertubuhan ini adalah tidak sesuai lagi dengan kehendak dan citarasa pada tahun 1993 ini. Oleh sebab itu Akta Pertubuhan tahun 1966 janganlah dijadikan sebagai satu penghalang kepada pemindahan aset daripada satu persatuan yang telah dibubar kepada persatuan baru, yang mana ahli-ahli persatuan baru ini adalah terdiri daripada majoriti besar, daripada anggota persatuan yang telah dibubarkan itu.

Saya menyokong supaya Akta Pertubuhan ini dipinda atas faktor kedua yang saya bincangkan, iaitu soal perwarisan. Perwarisan ini mestilah diselesaikan dalam konteks aset yang dipunyai oleh persatuan yang telah dianggap sebagai tidak sah di bawah Akta Pertubuhan tahun 1966 ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini saya ingin menyentuh berkenaan soal practicality sepertimana yang telah saya sebut di peringkat awal ucapan saya sebentar tadi.

Di sini kita harus ingat bahawa undang-undang mesti praktikal. Tidak guna kita mempunyai satu undang-undang yang nampaknya adil tetapi dari segi untuk mempraktikkan kehendak undang-undang itu tidak dapat dilaksanakan. Ini penting, kerana sebagai sebuah negara yang maju dan progresif, kita mesti pastikan bahawa segala akta-akta kita iuga harus maju dan progresif. Kita tidak mahu semata-mata untuk mempertahankan satu akta itu kerana soal sentimen, kerana kita kata iaitu kalaulah pada tahun 1966 itu dianggap sebagai baik dan praktikal, maka kita harus pertahankan undang-undang **ini**.

Undang-undang tidak akan menjadi satu perkara yang baik kalau ianya tidak boleh melaksanakan keadilan yang harus diberikan kepada mereka yang duduk di bawah naungan Akta Pertubuhan 1966 ini. Sebab itu saya merasakan, untuk mengelakkan masalah kesukaran untuk mempraktikkan peruntukan yang ada dalam Akta Pertubuhan 1966 ini, maka kita harus pinda supaya kehendak semangat akta ini boleh dipraktikkan dan boleh diberikan kepada mereka yang berhak untuk menuntut di bawah Akta Pertubuhan 1966 ini.

Mengikut Akta Pertubuhan 1966, kita lihat iaitu kalau ada satu persatuan yang baru yang mahu menuntut eset kepunyaan persatuan yang lama yang telah dibubarkan, kalau mengikut Akta Pertubuhan yang lepas, kalau tidak silap saya, ia memerlukan kepada 2/3 jumlah ahli persatuan yang dahulu yang menandatangani dan menunjuk bukti bahawa dia pernah menjadi anggota persatuan yang lepas dan sekarang ini dia menjadi anggota persatuan yang baru, dan dia harus menunjuk bukti

bahawa dia menjadi ahli persatuan yang lama dan dia harus menandatangani borang persetujuannya supaya aset persatuan lama itu hendaklah diberikan kepada persatuan baru dan menandatangani borang itu haruslah dilakukan di hadapan seorang, dengan izin, Commissioner of Oath atau Pesuruhjaya Sumpah.

Saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Dewan dalam Dewan yang mulia ini, kalau satu persatuan yang mempunyai keahlian 1 juta orang, saya ingin bertanya, daripada segi practicality, macam manakah hendak kita lakukan untuk mendapatkan tandatangan 666,000 ahli yang lama yang masih hidup dan setelah kita mengenal pasti mereka, kita hendak bawa mereka kepada Pesuruhjaya, suruh dia tandatangan di hadapan Pesuruhjaya. Macam mana hendak kita lakukan? Ini soal practicality.

Pertamanya, untuk kita mengenal pasti 666,000 ahli lama, apakah ini satu perkara yang mudah untuk kita lakukan? Saya rasa ini bukan satu perkara yang practical, saya rasa ini bukan satu perkara yang mudah untuk kita lakukan. Hendak mencari di seluruh pelusuk tanah air kita 666,000, kalau hendak dikira 2/3, 666,666 orang ahli lama, hendak cari mereka bukan satu perkara yang mudah. Daripada segi masanya, tidak mengizinkan, daripada segi hendak mengenal pasti, mengguna tenaga untuk mencari mereka ini juga agak sukar. Itu kalau kita bercakap tentang hendak cari 666,666 orang ahli lama! Kalau kita dapat mengatasi masalah mencari mereka.

Yang keduanya, hendak kita bawa mereka menandatangani borang di hadapan Pesuruhjaya Sumpah, dengan izin, Commissioner of Oath, macam mana hendak kita lakukan? Tidak cukup kalau kita sudah jumpa mereka, kita minta mereka tandatangan. Tandatangan ini hendaklah

dilakukan di hadapan Commissioner of Oath Saya rasa ini satu perkara yang agak mustahil untuk kita lakukan Tidak apalah, dua perkara ini dapat kita atasi - kita dapat mengenal pasti 666,666 orang, kita dapat juga mengatasi untuk membawa mereka berjumpa dengan Pesuruhjaya, tetapi soal ketiganya iaitu soal kos, perbelanjaan untuk memastikan 666,666 ahli hendak dibawa mereka kepada Pesuruhjaya akan memakan belanja yang begitu besar. Katalah setiap tandatangan yang kita buat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah, ianya bukan free. Dia caj kita. Kalau dia caj kita RM1 pun bermakna kita terpaksa membelanja RM666,666 semata-mata hendak mendapatkan tandatangan yang harus dibuat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. Mana hendak cari RM666,666? Ini adalah perkara-perkara yang dibangkitkan dalam soal impracticality dalam kita hendak melaksanakan peruntukan yang wujud di bawah Akta Pertubuhan ini

Kita harus ingat iuga, itu kalau RM1, tetapi kalau kita pergi menandatangani di hadapan Pesuruhjaya, dia bukan minta RM1. Saya rasa, kurang-kurang dia minta RM3-RM4 semata-mata untuk menandatangani di hadapannya sahaja. Kalau dia caj RM2 pun sudah RM1.2 milion, kalau dia caj RM3 - RM1.8 milion. Sebelum kita dapat tuntutan harta ini, kita sudah bankrup awal-awal lagi.

Jadi, inilah soalnya impracticality yang wujud di bawah Akta Pertubuhan ini yang harus kita ketepikan bukan kerana kita hendak melakukan suatu perkara yang tidak adil, malah apa yang kita hendak lakukan ialah untuk berlaku adil kepada ahli-ahli persatuan yang tidak bersalah di dalam berbangkitnya soal persatuannya dianggap tidak sah kerana berdasarkan kepada teknikaliti yang tidak complynya, dengan izin, oleh persatuan itu.

Untuk mengelakkan soal impracticality ini, kita mesti memudahkan cara untuk kita menuntut harta ini. Kalau tidak, seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi, sampai bila-bila pun masalah ini tidak akan dapat diselesaikan oleh kita, malah ia akan menjadikan satu beban kepada kita kerana aset tidak boleh dipindah milik dan aset ini tidak digunakan dengan baik dan akhirnya, kalau kita mempunyai bangunan, bangunan itu akan dianggap sebagai bangunan yang usang kerana kita tidak dapat mengendalikan masalah yang kita hendak selesaikan iaitu pemindahan milik aset daripada persatuan lama kepada persatuan yang baru ini.

Sebab itu saya menekankan bahawa pada tahun 1966, Ahli-ahli Dewan Rakyat pada ketika itu mungkin tidak terbayang dan bahawa pada satu hari nanti persatuan ini bukan sahaja mempunyai anggotanya setakat seribu atau dua ribu orang. Pada ketika itu memang dia fikir ahli persatuan itu dua, tiga ribu orang, tetapi apabila jumlah penduduk telah bertambah dan minat orang kepada persatuan itu bertambah, maka ramai yang hendak menjadi ahli persatuan, maka ini akan melipat-gandakan jumlah ahli persatuan yang di suatu ketika dahulu agak kecil tetapi hari ini akan sampai kepada satu jumlah yang begitu besar.

Sebab **itu**, saya menyatakan bahawa Akta Pertubuhan ini mesti dipinda untuk memudahkan pemindahan aset dan **liabiliti** kepada persatuan yang baru.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya, kalau sekali pun katalah persatuan itu ada 100 orang ahlinya, kita perlu kepada 66 orang untuk menandatangani borang yang baru untuk menuntut aset persatuan yang lama, yang telah dibubarkan. Kita harus ingat, manusia ini tidak berkekalan. Ada yang gugur menjadi ahli kerana bankrap, membuat business dan macam-macam lagi dan bankrap. Apabila dia bankrap, dia gugur menjadi ahli, dia tidak dianggap sebagai ahli lagi. Dan oleh kerana kita ini merupakan manusia yang biasa, ramai daripada kita juga sudah tentu akan meninggal dunia. Jadi, pada ketika persatuan itu dianggap sebagai tidak sah, ada 100 ahli, dan selepas itu 40 orang meninggal dunia, macam mana kita hendak dapat 2/3 daripada ahli persatuan itu? Ini kita harus ambil kira juga. Bermakna bahawa sampai bila-bila pun kita akan gagal untuk mendapat 2/3 kerana ahli-ahli kita, pertamanya, telah hilang - mungkin tidak ada - keduanya, telah bankrap; ketiganya, telah meninggal dunia.

Jadi, kalau mereka telah meninggal dunia - daripada 100 ahli kita perlu 66 - dan daripada 100 ahli **ini**, 50 meninggal dunia, macam mana kita hendak menuntut mengikut Akta ini segala harta persatuan yang lama, yang memerlukan kepada 2/3 ahli persatuan lama yang

menandatangani di hadapan Pesuruhjaya untuk menuntut aset yang baru ini?

Jadi, ini tidak praktikal. Sebab **itu**, kita mesti mencari satu jalan yang mudah, supaya dapat kita percepatkan, kerana kita harus ambil kira bahawa kita merupakan manusia biasa, kita juga akan meninggal dunia, dan ini akan menyebabkan keahlian kita kurang. Kalau keahlian kita kurang, maka gagallah kita untuk menuntut harta aset yang dimiliki oleh persatuan yang lama, yang telah dibubarkan **itu**. Jadi, dengan izin, we must address this problem. Akta mesti praktikal, jangan membuat sesuatu Akta yang mengikat tangan kita sehinggakan tidak dapat dipraktikkan apa yang kita kehendaki di dalam Akta Pertubuhan ini.

Yang kelima, yang saya ingin bercakap pada petang ini dalam menyokong Rang Undang-undang Akta Pertubuhan **ini**, ialah bahawa kita mesti sedari realiti sekarang **ini**. Suka atau tidak suka, kita tahu bahawa persatuan kita akan bertambah keahliannya. Kita tidak berkemampuan untuk menghadkan keahlian kita kepada katalah, kita menubuhkan persatuan, kita mahu cuma ada 100 orang ahli sahaja. Ini tidak boleh dilakukan oleh kita, kerana kalau kita mempunyai ahli yang kurang, persatuan kita tidak akan berkembang. Kalau persatuan kita tidak berkembang, bermakna persatuan kita tidaklah merupakan satu persatuan yang berkewibawaan kerana ahlinya kurang. Lebih ramai orang menjadi ahli persatuan **itu**, lebih berprestasi dan berkewibawaanlah persatuan itu.

Kita harus ingat bahawa, sebagai contoh, saya telah difahamkan bahawa hari ini ahli UMNO sudah bertambah kepada 1.8 juta. Dengan keahlian 1.8 juta, kalau sesuatu berlaku kepada parti UMNO pada hari ini, dan dengan adanya undang-undang Akta Pertubuhan 1966 ini, saya tidak dapat bayangkan macam mana kita hendak, menyelesaikan masalah pemindahan *liabiliti* dan aset kepada persatuan baru. 1.8 juta, maknanya kita perlu kepada 1.2 juta ahli hendak dicari oleh kita, kemudian setelah dicari, hendak kita suruh mereka tandatangan di hadapan Pesuruhjaya, dan kemudian hendak bayar kosnya, kos Pesuruhjayanya, kos pengangkutannya. Saya rasa, sampai bila-bila pun kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini.

Ini bukan sahaja akan berlaku kepada UMNO, saya rasa kepada parti-parti lain pun. Tidak usah sebut ahlinya berjuta-jutalah, kalau ada persatuan yang ahlinya 100,000 pun, kita hendak cari 60,000 orang bukan kerja yang mudah. Ini kerja susah. Jadi kalau kerja susah ini buat apa yang kita hendak pertahankan Akta ini? Kalau dia susah, kita pinda dia, supaya yang lebih penting ialah kepentingan ahli **itu**. Dan kita harus sedar akan *realiti* sekarang ini yang kita mesti ambil kira, dan kita tidak boleh lagi hidup di tahun 1993 ini dengan andaian tahun 1966. Dengan izin, *we must live with the present reality*.

Undang-undang kita ini jangan dijadikan sebagai satu undang-undang yang cantik. Memang, kalau kita tengok di dalam Akta Pertubuhan, bahawa kita perlu kepada $2/3$, memang cantik, memang adil, daripada segi semangatnya. Majoritinya mesti $2/3$, memang itu adil. Tetapi, daripada segi praktiknya macam mana? Tidak dapat dipraktikkan. Undang-undang secantik macam mana sekali **pun**, seadil

macam mana sekali pun, kalau tidak dapat dipraktikkan, maka undang-undang itu adalah tidak adil kepada ahli-ahli persatuan yang telah dianggap sebagai tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab **itu**, **realiti** sekarang adalah merupakan satu faktor yang penting, yang harus kita ambil kira dalam usaha kita hendak meminda Akta Pertubuhan ini. Kita mesti, dengan izin, *live with the present reality*. Walaupun kita mempunyai idealisma bahawa keadilan itu hendaklah dilaksanakan, tetapi kalau keadilan itu dilaksanakan dan dijadikan sebagai Akta dan daripada segi praktiknya tidak dapat dipraktikkan, maka ia tidak akan memberi makna kepada orang yang mempunyai idealisma keadilan ini.

Sebab **itu**, suka atau tidak suka, kita mesti mengambil kira **realiti** sekarang ini untuk kita masuk dan kita pinda Akta Pertubuhan ini supaya keadilan itu boleh dilaksanakan dan dapat diberikan kepada ahli-ahli persatuan yang merupakan majoriti kepada ahli-ahli persatuan yang telah dianggap tidak sah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali, saya merasakan bahawa Akta Pertubuhan ini mesti dipinda di atas asas untuk mengelak ketidakadilan. Saya menyatakan di sini bahawa daripada pengalaman saya sendiri sebagai ahli UMNO yang telah dianggap sebagai tidak sah pada tahun 1988 dahulu, sekarang sudah tahun 1993, Akta ini tidak berlaku adil kepada ahli-ahli UMNO yang telah dianggap sebagai tidak sah pada tahun 1988 dahulu kerana ia gagal untuk mengatasi masalah untuk memindah **liabiliti** dan aset kepada ahli-ahli UMNO yang ada

pada hari **ini**, yang merupakan majoriti besar jika dibandingkan dengan ahli-ahli lain yang tidak bersama dengan kita dalam UMNO pada ketika ini.

Mengapa saya berkata demikian? Kerana, Akta ini tidak praktikal. Bila ia tidak praktikal, ia tidak berlaku adil kepada majoriti besar ahli-ahli yang sekarang ini sudah pun menganggotai UMNO yang mengganti UMNO yang telah dianggap tidak sah pada tahun 1988 dahulu. Kalau orang bertanya kepada kita, kalau kita gagal untuk mendapat 2/3 di atas alasan yang telah saya beri sebentar tadi, soal impracticality untuk menyempurnakan kehendak Akta Pertubuhan itu, apakah kita yang hari ini umum semua tahu bahawa UMNO pada hari ini adalah merupakan pewaris yang sah, yang sah kepada UMNO yang telah dibubar pada tahun 1988 dahulu, tetapi oleh kerana kita agak sukar untuk melaksanakan, dengan izin, the impracticalities provided by Akta Pertubuhan itu, maka kita tidak diberikan hak untuk mengambilalih aset ini.

Saya merasakan bahawa peruntukan yang ada dalam Akta Pertubuhan tahun 1966 yang ada pada hari ini, melakukan satu perkara yang tidak adil kepada majoriti ahli UMNO yang ada dalam parti UMNO pada hari **ini**.

Soal siapa pewaris sebenarnya kepada UMNO yang telah dianggap sebagai tidak sah pada tahun 1988. Perkara ini bukan kita serahkan kepada ahli-ahli sahaja, perkara ini kita serahkan kepada rakyat untuk menentukan siapa sebenarnya yang memimpin parti yang dianggapkan sebagai pewaris kepada UMNO yang telah dibubar pada tahun 1988.

Dalam Pilihanraya tahun 1990, iaitu dua tahun selepas UMNO dianggap tidak sah, kita telah berjumpa dengan rakyat dalam pilihanraya umum tahun 1990. Pada ketika itu, persoalannya ialah bukan sahaja kita menghadapi rakyat kerana kita hendak memilih wakil rakyat, tetapi persoalan pada ketika itu juga ialah untuk menentukan yang mana satukah golongan manusia yang dianggap oleh rakyat sebagai pewaris yang sebenarnya kepada parti yang telah dianggap sebagai tidak sah pada tahun 1988. Ada dua golongan - satu golongan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, dan satu lagi golongan yang dipimpin oleh Tengku Tan'Sri Razaleigh Hamzah. Persoalan ini kita serah kepada rakyat, saya rasa itu sangat adil. Soalnya bukan sahaja kita serah kepada ahli sahaja, tetapi kita serah kepada rakyat untuk menentukan yang manakah yang berhak untuk mewarisi pimpinan parti UMNO yang memerintah menang Pilihanraya pada tahun 1986. Rakyat yang buat keputusan, dan kita berlaku adil. Bukan rakyat Melayu sahaja, tetapi rakyat bukan Melayu pun, kita hendak pandangan daripada mereka. Yang bukan Melayu - India, Cina, Iban, Kadazan juga diberi hak untuk memilih pada ketika itu.

Apa pilihan mereka? Pilihan mereka ialah mengembalikan golongan manusia yang duduk di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai pewaris yang berhak kepada Parti UMNO yang telah dianggap tidak sah pada tahun 1988. Ini kerana apa - kerana mereka telah memberi kepercayaan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk diberikan Kerajaan untuk kita perintah bermula tahun 1990. Yang satu lagi, cuma dapat 5 sahaja Ahli Parlimen. Kemudian

ada 7, 8 orang Ahli Undangan Negeri Kelantan, kemudian 1 di Pahang, 1 di Johor - kelompok-kelompok di sana.

Rakyat telah membuat keputusan bahawa golongan di bawah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamadlah yang berhak untuk memerintah negara **ini**, dan sekaligus yang berhak kepada segala aset dan liabiliti Parti UMNO yang telah dibubar pada tahun 1988. Hendak majoriti apa lagi. Akta yang kita buat tak praktikal, tetapi rakyat sudah buat keputusan. Bukan Ahli UMNO sahaja, tetapi ini lebih daripada Ahli UMNO. Kalau kita perlu lebih daripada 666,000 orang untuk memperakui tentang hak golongan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mengambil aset dan liabiliti UMNO, saya ingat kalau hendak dibandingkan dengan keputusan yang dibuat oleh rakyat pada tahun 1990 jauh perbezaannya, berjuta rakyat sokong kita. Ini bermakna bahawa sekaligus rakyat mengiktirafkan iaitu pewaris yang sah, yang dipercayai oleh mereka untuk mengambil liabiliti dan aset Parti UMNO yang telah dibubar pada tahun 1988 itu ialah golongan rakyat dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Hendak bukci apa lagi! Yang tidak boleh kita lakukan kerana apa? Kerana inpracticality yang diperlukan oleh Akta ini.

Jadi, saya rasa untuk berlaku adil, pertamanya kepada Ahli UMNO yang bersama dengan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan majoriti Ahli UNNO lama dan masuk kepada Ahli UMNO yang baru ditubuh ini untuk berlaku adil kepada kita, dan juga kepada rakyat yang telah menunjukkan kepercayaan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah membuat keputusan bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamadlah yang memgetuai golongan yang berhak untuk mengambil aset ini. Saya rasa oleh kerana itu, kita barus pinda undang-undang

ini untuk kita mengrealisasikan kehendak majoriti bahawa parti yang sekarang ini di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah parti yang berhak untuk mewarisi aset dan liabiliti Parti UMNO yang telah dibubarkan pada tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan beberapa hujah di sini yang memperkuat cadangan Kerajaan untuk meminda Akta Pertubuhan ini supaya dapat kita selesaikan mana-mana masalah yang masih lagi outstanding yang disabitkan oleh kerana Akta ini merupakan satu halangan impracticality kepada kemudahan untuk kita mengalih aset dan liabiliti daripada persatuan yang telah dibubarkan daripada persatuan yang baru ini, maka oleh kerana itulah saya sekali lagi ingin menyatakan bahawa saya menyokong Rancangan Undang-undang Akta Pertubuhan 1966 ini. Terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Tiong Thai King, sila.

4.45 ptg.

Tuan Tiong Thai King: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk menyertai perbahasan atas Akta Pertubuhan (Pindaan) 1993. Rancangan Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pertubuhan 1966. Dua pindaan dibuat - satu, dengan menggantikan subperenggan 1(b)(ii) Seksyen 17 dalam Akta Ibu iaitu perenggan yang baru dengan tujuan memudahkan Pegawai Pemegang Harta menyediakan skim bagi menggunakan aset yang berlebihan. Dalam perenggan yang lain ialah memotong Sub-seksyen 17R-(A) dengan tujuan pemindahan aset dan liabiliti pertubuhan yang pendaftarannya dibatalkan kepada pertubuhan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pindaan-pindaan yang dibuat ke atas Akta ibu itu. Saya mengatakan sokongan kepada Rang Undang-undang yang sedang dibentangkan dan dibabaskan dalam mesyuarat Dewan yang mulia ini. Sebenarnya dalam negara kita yang demokratik ini, penggubal undang-undang atau badan perundangan harus menggubal undang-undang serasi dengan perkembangan nasional dan antarabangsa serta sesuai dengan kebijaksanaan dan kemajuan rakyat kita dalam ilmu pengetahuan. Rakyat kita kini sudah cukup matang. Mereka tahu dan sentiasa mematuhi undang-undang negara. Tentulah tidak dapat dinafikan bahawa di antara hampir 20 juta rakyat kita ada satu dua "kambing hitam". Maka jika satu dua orang dalam satu pertubuhan membuat perbuatan yang menyalahi undang-undang, janganlah tindakan undang-undang diambil segera ke atas pertubuhan yang kepunyaan anggota-anggotanya. Dengan lain perkataan, saya berharap pihak berkuasa bersikap lebih lembut, jikalau kesalahan yang dilakukan kerana kesilapan atau teknikal sahaja.

Jikalau malangnya satu pertubuhan dibatalkan pendaftarannya kerana menyalahi undang-undang di masa hadapan, anggota-anggota pertubuhan lama yang sekarang menjadi anggota pertubuhan baru, dibenarkan memohon mendapat pemindahan terhadap segala aset dan liabiliti pertubuhan lama yang pendaftarannya dibatalkan itu kepada pertubuhan yang baru di bawah Akta Pertubuhan (Pindaan) 1993 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, demi mengelakkan daripada melanggar undang-undang dan menghindari terjadinya hal-hal yang tidak diingini, saya berharap pegawai-pegawai Pendaftaran Pertubuhan boleh melawati setiap pertubuhan atau mengadakan perjumpaan dengan pemegang-pemegang Jabatan Pertubuhan, dalam mana pegawai boleh menjalankan undang-undang atau Akta Pertubuhan atau mengingatkan mereka tentang hal-hal yang mereka harus patuhi di sisi undang-undang.

Dengan mengekalkan hubungan baik antara Kerajaan dengan Pertubuhan-pertubuhan, adalah diharapkan agar pertubuhan-pertubuhan boleh membuat sumbangan besar kepada kemajuan, kemakmuran, keamanan, kedamaian dan kesentosaan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1993.

Dato' Azumu bin Tak: Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud.

4.51 ptg.

Tuan Ibrahim bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri pada petang ini untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Sokongan saya ini adalah atas dua faktor. Faktor yang pertama ialah untuk meringankan beban pihak Kerajaan yang menjaga dan mengawasi sesuatu pertubuhan yang telah diharamkan, termasuk harta bendanya. Kedua, kita telah memberi hak kepada yang hak. Dengan pindaan ini kita dapat mempermudah untuk mengalih aset kepada yang hak. Oleh sebab itu, kita faham bahawa dengan pembubaran mana-mana pertubuhan, maka Setiap ahli yang menganggotai pertubuhan ini bukanlah mengharapkan harta yang terkumpul di dalam pertubuhan itu, akan tetapi mereka ingin memberi sumbangan dan bakti melalui pertubuhan yang dianggotai itu.

Apabila terjadi kesilapan teknik dan sebagainya, pertubuhan ini telah diharamkan pendaftarannya ataupun dibubarkan, tetapi terdapat ahli-ahli yang jujur dan ikhlas yang ingin menyambung khidmat dan ingin memberi sumbangan tenaga dan baktinya untuk meneruskan hasrat mereka. Akan tetapi dengan sekatan di masa-masa yang lalu telah menyebabkan pertubuhan yang baru didaftarkan ini mendapat kesukaran, walaupun pertubuhan telah dianggotai oleh ahli-ahli yang lama.

Maka pindaan ini adalah satu jalan yang mudah kepada ahli dan beban yang ditanggung oleh Kerajaan untuk menjaga dan mengawasi harta-harta itu menjadi semakin ringan. Bukan sahaja kita mempermudah ahli, akan tetapi kita mengurangkan beban dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan untuk mengawasi, menyelia dan menjaga harta-harta mana-mana badan dan pertubuhan yang diharamkan.

Maka, dengan ini saya menyokong penuh. di atas Rang Undang-undang yang dicadangkan pada petang ini. Terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Yang Berhormat, Tuan Rahim bin Baba, silakan.

4.54 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut serta memberikan pandangan dan seterusnya memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pertubuhan, 1966,

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, saya percaya Rang Undang-undang ini telahpun dibentangkan oleh kerana sejak kebelakangan ini terdapat beberapa Pertubuhan-pertubuhan yang telahpun diambilalih oleh Pegawai Pemegang Harta.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pindaan yang telahpun dicadangkan ini, telahpun dinyatakan bahawa jika tiada kaedah-kaedah untuk membahagikan harta-harta sesuatu pertubuhan yang telahpun diambil-alih oleh Pegawai Pemegang Harta, maka Pegawai berkenaan hendaklah menyediakan satu skim bagi penggunaan aset yang lebih itu untuk mendapat kelulusan Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan kepada pihak Kementerian supaya had masa dikenakan kepada Pegawai Pemegang Harta untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Kita ambil contoh, seperti masalah yang dihadapi oleh Parti UMNO sendiri yang pada mulanya telahpun diharamkan pada tahun 1988, sekarang ini telahpun menjangkau tahun 1993 dan telahpun mengambil masa lebih daripada 5 tahun untuk menyelesaikannya. Malahan kita pun tidak tahu berapa lama lagi masa yang diperlukan oleh Pegawai Pemegang Harta untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang berbangkit itu.

Apa yang dikhuatirkan ialah jika ada tindakan Kerajaan ataupun Pegawai Pemegang Harta mengambil masa yang terlalu lama, nanti ada pihak yang akan menuduh bahawa Pegawai Pemegang Harta dengan sengaja melengah-lengahkan untuk mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah yang dihadapi itu. Dalam pada masa yang sama juga, jika terlalu lama kemungkinan berlaku di mana ahli-ahli yang telahpun sama ada meninggal dunia ataupun sebagainya, di mana mungkin mereka ini tidak mendapat hak daripada harta-harta yang telahpun diambil-alih oleh Pegawai Pemegang Harta tadi.

Tuan Yang di-Partua, di dalam pindaan ini cuma dinyatakan mengenai penggunaan aset yang lebih. Tidak difikirkan soal liability ataupun soal tanggungan. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, jika ada sebarang tanggungan yang terpaksa dipikul oleh pertubuhan atau persatuan yang telahpun dibatalkan pendaftarannya, siapakah pula yang akan bertanggungjawab terhadap tanggungan-tanggungan ataupun terhadap hutang-hutang yang dimiliki oleh pertubuhan-pertubuhan ini. Saya percaya ahli-ahli pertubuhan ini

tentunya tidak menandatangani sebarang perjanjian. Umpamanya, pertubuhan itu mempunyai pinjaman dengan bank, maka tentulah ahli-ahlinya tidak menandatangani ataupun kemungkinannya hanya dibebankan kepada ahli-ahli Jawatankuasanya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian tentang keupayaan Pegawai Pemegang Harta (OA) ini, kerana saya bimbang, dengan perkembangan ekonomi negara yang begitu pesat dan kemungkinannya pertubuhan-pertubuhan itu banyak mempunyai aset ataupun harta, maka apakah pihak Pemegang Harta juga mempunyai keupayaan untuk mentadbir, umpamanya, tanah, bangunan, pejabat dan juga sebagainya yang dimiliki oleh pertubuhan-pertubuhan yang dipegang oleh Pegawai Pemegang Harta ini. Kita dapat melihat dalam keadaan sekarang dan kita kena mengakui tentang keupayaan Pegawai Pemegang Harta, umpamanya dalam kes kebangkrapan.

Kadangkala untuk membuat carian ataupun 'search' bagi mereka yang bankrap untuk kegunaan pihak-pihak institusi kewangan mengambil masa sampai dua ataupun tiga bulan, barulah dapat pengesahan daripada pihak OA atau pun Pegawai Pemegang Harta sama ada seseorang itu dianggap muflis atau pun tidak. Ini akan mengambil masa yang terlalu lama, khasnya kepada mereka yang menjalankan perniagaan, mereka yang berurusan dengan badan-badan kewangan yang ingin memohon pinjaman, yang terpaksa pula menunggu sampai dua ataupun tiga bulan barulah dapat pengesahan ataupun clearance sama ada seorang itu boleh ataupun tidak mendapatkan pinjaman. Jadi, saya berharap supaya dalam keadaan yang ada sekarang, Kerajaan memperlengkapkan lagi keupayaan Pegawai Pemegang Harta ataupun OA bersesuaian dengan keadaan dan juga suasana yang ada pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada Pegawai Pemegang Harta supaya segala harta-harta ataupun aset-aset yang hendak dijual oleh Pegawai Pemegang Harta kepunyaan pertubuhan-pertubuhan ini hendaklah dijual secara tender terbuka supaya ianya tidak berlaku sebarang tuduhan penyelewengan-penyelewengan dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pindaan ini juga dinyatakan bahawa Pegawai Pemegang Harta akan menyediakan skim untuk diluluskan oleh Mahkamah Tinggi. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, apakah pula hak ahli-ahli yang umpamanya jika mereka ini tidak

bersetuju dengan cara penggunaan yang telah pun dicadangkan oleh Pegawai Pemegang Harta? Adakah mereka ini mempunyai hak untuk mempertikaikan apa-apa cadangan yang dibuat oleh Pegawai Pemegang Harta kepada Mahkamah Tinggi? Apakah mereka ini banya berpandukan kepada suara majoriti sahaja? Kalau majoriti sudah bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Pegawai Pemegang Harta secara individu, mereka ini akan terlucut hak untuk mempertikaikan apa yang telah pun disarankan oleh Pegawai Pemegang Harta kepada Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian, bagaimana pula kedudukan hak ahli-ahli katakanlah. setelah didapati sebuah pertubuhan itu setelah ditolak segala *liability* ataupun tanggungan masih lagi terdapat lebih ataupun aset-aset ataupun lebih wang tunai? Bagaimana pula hak ahli-ahli yang telah pua dahulunya menjadi ahli pertubuhan itu Tetapi sekarang ini telah pun meninggal dunia, mereka ini telah pun dipecat daripada menjadi ahli pertubuhan itu ataupun mereka ini telah pun dengan sukarela meninggalkan pertubuhan itu? Apakah mereka ini juga, masih mempunyai hak terhadap lebih daripada penilaian aset yang telah pun dilakukan oleh Pegawai Pemegang Harta tadi?

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cuma itu sahajalah pandangan saya mengenai Akta ini dan dengan ini, saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966. Terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Diminta Setiausaha Parlimen menjawab.

5.04 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz, Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King, Yang Berhormat Tuan. Haji Salleh @ Hassan dan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba yang telah memberi pandangan mengenai Rang Undang-undang yang kita telah bincangkan pada petang ini.

Saya bersetuju dan berterima kasih kepada Tuan Haji Mohamed Nazri yang mempunyai pandangan yang luas dan begitu memahami keadaan dan mengapakah Kerajaan perlu membuat pindaan ini. Mengundang-undang negara termasuk Perlembagaan haruslah satu undang-undang yang hidup yang seharusnya wujud dan cukup mampu untuk menyelesaikan berbagai masalah masyarakat dan ia juga haruslah berkembang selari dengan perkembangan dan aliran semasa. Maka, dengan tujuan itulah, Kerajaan telah membuat keputusan untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 ini untuk membolehkan Akta ini menyelesaikan masalah pertubuhan di negara kita **ini**. Ini juga menunjukkan bahawa Kerajaan memang sedaya upaya mencari jalan bagaimana Kerajaan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan termasuk mengenai perkara penyerahan harta, tanggungan dan sebagainya kepada badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang telah dibubar. Begitu juga, ianya menggariskan dan menyelaraskan segala cara-cara bagaimana aset-aset ini dapat dipindahkan kepada badan berkenaan dengan secepat mungkin.

Satu perkara yang ditimbulkan tadi ialah mengenai masalah di mana satu cawangan, kalau cawangan itu oleh kerana teknikal ia telah dibubarkan, maka Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri merasakan segala pertubuhan tidak harus dibubarkan. Jadi, mengikut Akta Pertubuhan yang telah dipinda, memang di bawah Akta ini adalah satu cawangan itu sahajalah yang akan dibubarkan.

Yang Berhormat Tuan Tiong tadi telah menyentuh mengenai beberapa perkara. Jadi, saya ingin menjawab satu perkara di mana beliau merayu pegawai-pegawai pertubuhan supaya melawat pertubuhan-pertubuhan di seluruh negara untuk menjelaskan undang-undang yang berkaitan. Mengenai ini, saya juga ingin merayu kepada pegawai pertubuhan berkenaan untuk memahami segala undang-undang yang berkaitan dengan pertubuhan adalah perlu dan adalah penting dan itu juga tanggungjawab pegawai-pegawai tersebut untuk memahami segala undang-undang supaya mereka dapat mentadbirkan pertubuhan mereka tanpa menjejaskan pendaftaran badan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Salleh tadi telah menyentuh perkara yang sama dan saya telah pun menjawab tadi.

Yang Barhormat Tuan Rahim Baba telah membentangkan beberapa perkara Pertama, had masa untuk menyelesaikan masalah pertubuhan yang telah diharamkan ini khasnya mengenai harta dan tanggungan. Memang inilah tujuan Akta ini untuk menentukan perkara ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin untuk menentukan segala halangan-halangan yang mungkin tidak dapat diselesaikan oleh kerana masalah teknikal, praktikal dan sebagainya dapat kita elakkan supaya parkara ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Mengenai persoalan keupayaan pemegang harta, ingin saya menjelaskan di sini bahawa pegawai pemegang harta menjalankan tugasnya mengikut perundangan dan proses undang-undang yang sedia ada dan mereka haruslah menyelesaikan berbagai masalah mengikut apa yang termaktub dalam Undang-undang.

Beberapa perkara lain yang disentuhnya tadi, semua perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian. Begitu juga perkara-perkara lain yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, semua perkara ini akan diambil perhatian dan diambil tindakan dengan sewajarnya.

Dengan ini sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Dato' Azumu bin Tak mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 1993**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.14 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang untuk meminda Kanun Keseksaan (Pindaan) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang di atas adalah dicadangkan memandangkan kebelakangan ini kes-kes berkaitan jenayah perdagangan seperti kesalahan pecah amanah, pelepasan harta dan penipuan telah menunjukkan peningkatan yang membimbangkan dari segi bilangan dan nilai harta yang terlibat. Adalah juga didapati bahawa penjenayah-penjenayah yang terlibat sukar dibawa ke muka pengadilan disebabkan oleh cara mereka melakukan kesalahan adalah agak sofistikated dan untuk mengesannya memerlukan kepakaran tertentu.

Selain itu, mereka yang dapat dihadapkan ke Mahkamah telah berjaya mendapatkan pelepasan disebabkan kelonggaran peruntukan perundangan yang telah dipergunakan dengan sebaiknya oleh peguambela-peguambela yang terlibat.

Pengamatan tentang hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka yang disabitkan pula menunjukkan bahawa hukuman yang dikenakan adalah dirasakan tidak setimpal kerana hanya hukuman denda sahaja yang dikenakan. Hukuman denda didapati tidak mencukupi sebagai satu hukuman deterrent. Dengan mengenakan hukuman adalah dirasakan kepentingan mangsa harus diambilkira terutamanya apabila ia menjejaskan sebahagian besar daripada orang awam - contohnya, pemegang-pemegang saham dalam syarikat yang mana tertuduh telah

melakukan pecah amanah jenayah.

Tertuduh dalam kes-kes yang dihadapkan ke Mahkamah setakat ini didapati dari golongan mereka yang terpelajar dan mempunyai jawatan tinggi di dalam syarikat-syarikat yang berkaitan dan juga mempunyai pengaruh dalam syarikat tersebut - umpamanya, pengarah syarikat, akauntan, juruaudit dan peguam. Mereka menggunakan pengaruh dan peralatan terkini bagi melakukan kesalahan dan mengkaburkan segala kesan kesalahan agar ianya sukar dikesan.

Berdasarkan latar belakang ini, adalah dicadangkan pindaan perlu dibuat ke atas peruntukan Kanun Keseksaan agar ianya akan dapat mencerminkan perlaksanaan keadilan yang saksama sesuai dengan peredaran zaman.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan merangkumi definisi ke atas kesalahan yang sedia ada seperti yang diperuntukkan di Fasal 2, 3 dan 4 dalam Rang Undang-undang. Pindaan juga dibuat bagi memasukkan definisi baru seperti yang disebut melalui Fasal 5.

Pindaan-pindaan tafsiran di atas dicadangkan dibuat untuk mengatasi masalah pentafsiran teknikal yang menjadi asas pelepasan mereka yang telah dituduh di mahkamah. Ianya juga bertujuan melengkapkan peruntukan yang sedia ada agar kelonggaran peruntukan perundangan tidak dipergunakan sebagai asas pelepasan mereka yang terlibat.

Seperti yang telah disebut, peningkatan kesalahan-kesalahan jenayah kolar putih amat membimbangkan dan mungkin akan mengganggu-gugat kepentingan awam dan sekali gus pertumbuhan ekonomi negara. Dengan itu, adalah dirasakan hukuman yang 'deterrent' perlu diadakan untuk menghukum mereka yang terlibat dan menjadi contoh kepada mereka yang mungkin teringin melakukannya.

Hukuman maksimum yang sedia ada didapati tidak mencukupi dan dengan itu perlu dipinda dengan menjadikan hukuman sebatan sebagai hukuman mandatori di samping hukuman penjara. Adalah diharapkan hukuman penjara dan sebatan akan dapat menghindarkan bakal jenayah kolar putih.

Pindaan hukuman juga diharapkan akan dapat memberi isyarat yang sewajarnya kepada Mahkamah akan hasrat Kerajaan agar hukuman yang lebih berat daripada yang sedia ada akan dikenakan ke atas golongan penjenayah kolar putih. Adalah diharapkan dengan pindaan-pindaan ini, hasrat Kerajaan untuk membendung kesalahan jenayah kolar putih akan dapat dicapai dan dalam proses yang sama, kepentingan awam dapat dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Azumu bin Tak: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Rosalind.

5.18 ptg.

Puan Rosalind Yau Shuk Meng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbincangan berbubung dengan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan yang dibentangkan bagi Bacaan Kali yang Kedua di Dewan yang mulia ini.

Ingin saya menyokong, pertamanya, dengan pindaan yang menjelaskan lagi huraian Akta tersebut dengan ilustrasi dan eksplanasinya.

Keduanya, tentang fasal-fasal 9, 10 dan 11 yang bertujuan menaikkan hukuman bagi seksyen 406, 407 dan 408 yang tentunya memberikan kesan untuk membanteras berlakunya jenayah di dalam negara. Pindaan-pindaan lain yang dilakukan seperti yang tercatat tidak dapat dinafikan akan memperelok dan memperkemaskan jentera pentadbiran negara.

Syabas dan tahniah diberikan terhadap Kerajaan yang menghasratkan pindaan ini dan sokongan wajar diberikan. Namun demikian, kan saya menyarankan langkah-langkah perlu dilakukan oleh Kerajaan agar kesempurnaan pelaksanaan Akta tersebut berkesan. Adalah diharapkan kerjasama dari berbagai pihak menyumbang ke arah keberkesanannya. Untuk tujuan itu saya sara seperti yang berikut:-

- (i) Peranan dan fungsi Biro Guaman hendaklah dipertingkatkan. Khidmat kepada orang awam yang kurang arif dengan prosedur dan istilah undang-undang hendaklah diperluaskan. Ramai orang yang kurang mengetahui adanya khidmat ini. Maka ini wujudnya dan bersedianya pihak Biro untuk membantu orang ramai menghadapi kes-kes bersabit guaman harus dimaklumkan secara meluas;
- (ii) media TV dan radio memainkan peranan untuk menjelas dan menghurai perkara yang berkaitan dengan Kanun Keseksaan melalui rancangan selingannya supaya orang ramai lebih faham dan jelas tentang hak mereka dan menanam sikap lebih berhati-hati terhadap perkara yang boleh melibatkan mereka dalam Akta ini. Pada suatu masa dahulu RTM ada menyiarkan sebuah filem selingan tentang risiko menerima perkiraman orang tanpa usul periksa yang akhirnya menjebak mereka kepada tuduhan pengedaran dadah. Peringatan begini membawa kepada usaha mancegah itu lebih baik daripada menghukum.

- (iii) adalah baik sekiranya Kementerian Pendidikan dapat merangka pembelajaran berhubung dengan undang-undang khususnya bersangkutan Kanun Keseksaan kepada pelajar-pelajar bermula dari sekolah menengah rendah lagi, sama ada melalui kurikulum atau ko-kurikulum sekolah. Ini akan membuatkan mereka lebih awas dan hati-hati dalam perkara-perkara yang menjebak kepada perlakuan jenayah; dan
- (iv) Kementerian Undang-undang wajar menganjurkan kursus-kursus jangka pendek atau seminar-seminar untuk orang ramai bagi mendidik masyarakat memahami akta-akta yang mengawal kesejahteraan kehidupan mereka. Ini akan banyak membantu ahli masyarakat saling bekerjasama menghindar berlakunya kes-kes jenayah yang boleh didakwa mengikut Kanun Keseksaan.

Dengan mesej ini adalah diharapkan nanti dalam kita melaksanakan undang-undang melalui akta-akta sekaligus berjalan dengan usaha kefahaman dan sering mengingatkan kepada orang ramai agar menjaga diri dari disabitkan dengan Akta tersebut. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Yang Berhormat Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

5.25 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya terima kasih atas kesempatan yang diberi untuk saya mengambil bahagian dan saya menyatakan di sini bahawa saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Kanun Keseksaan ini. Tuan Yang

di-Pertua, di sini saya ingin nyatakan bahawa memang sudah sampai waktu dan ketikanya memandangkan kepada berbilang kali perkara jenayah kolar putih ini berlaku maka sesuatu tindakan harus diambil oleh Kerajaan untuk mengadakan Rang Undang-undang bagi memperketat dan memperkuat lagi Akta Kanun Keseksaan **ini**. Kita lihat jenayah kolar putih ini agak berbeza sedikit dengan jenayah-jenayah lain kerana pada lazimnya jenayah kolar putih ini selalunya dilakukan oleh orang-orang yang mempunyai kepakaran dan berilmu dan mereka mempunyai kedudukan yang tinggi, mendapat pelajaran tetapi menyalahgunakan ilmu dan pelajaran ini untuk menganiaya orang-orang yang tidak berilmu yang menjadi mangsa kepada perbuatan mereka ini .

Saya amat faham sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, iaitu kadangkala disabitkan oleh kerana cara yang sofistikated yang dilakukan oleh penjenayah-penjenayah kolar putih ini menyebabkan banyak kes yang sepatutnya mereka ini dikenakan dengan hukuman di atas perbuatan jenayah yang dilakukan tetapi oleh kerana kurang bukti dan oleh kerana kecanggihan jenayah ini maka banyak kes terpaksa dibuang daripada menjadi kes di dalam mahkamah.

Saya bersetuju dengan pihak Kerajaan iaitu di mana kalau kita lihat ada kekurangan kepakaran di sebelah pihak Kerajaan untuk menentang jenayah seperti ini, maka kekurangan kepakaran itu haruslah dibantu dengan kita memperkukuhkan Akta Kanun Keseksaan. Dengan adanya peruntukan yang tertentu, yang ketat, maka sudah

sudah tentulah cara-cara kecongkahan yang dilakukan oleh penjenayah yang boleh menyebabkan mereka terlepas daripada dikenakan hukuman, maka dengan adanya peruntukan yang ketat di dalam Akta Kanun Keseksaan ini akan dapat membantu meletakkan keadilan kepada mereka yang telah menggunakan kepakaran mereka, menggunakan ilmu mereka untuk menipu mangsa-mangsa yang merupakan rakyat biasa yang tidak berkemampuan, dengan ilmu yang sedikit ada pada mereka untuk berlawan dengan orang-orang yang mempunyai kecongkahan, kepakaran untuk menipu mereka ini.

Maka saya bersetuju bahawa undang-undang Kanun Keseksaan ini mesti diperketatkan dan saya lihat daripada Rang Undang-undang yang telah dibentangkan sebentar tadi, saya tengok iaitu memang usaha untuk memperketatkan Akta ini telahpun dilakukan dan saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan dalam usaha untuk membela mangsa yang tidak berdosa, yang menjadi mangsa kepada mereka yang berilmu yang sepatutnya menjaga kebajikan orang yang tidak berilmu tetapi telah meyalahgunakan ilmu-ilmu ini untuk melakukan perbuatan yang dianggap sebagai jenayah oleh kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 405. Di dalam "Explanation" yang diberikan berkenaan dengan "criminal breach of trust" yang mana kita lihat perkara-perkara sumbangan yang seharusnya dikenakan oleh Kerajaan kepada pihak majikan (employer) dan wang ini telah disalurkan kepada tempat yang lain, mengikut "Explanation" yang telah diberikan oleh seksyen 405, ini adalah merupakan satu perkara "criminal breach of trust". Memang saya bersetuju kalau sekiranya pekerja telah memberikan sumbangan yang mana sumbangan itu dipotong oleh pihak majikannya dan wang itu daripada tarikh mulanya dipotong sebagai sumbangan pekerja kepada dana-dana tertentu seperti EPF - maka itu merupakan wang yang telah diamanahkan kepada majikan. Wang yang diamanahkan kepada majikan itu untuk diberikan kepada EPF, sebagai contoh, maka serta-merta apabila wang itu dipotong, ianya mesti diberikan kepada dana yang tertentu. Jadi, di masa-masa lepas, saya tengok ramai majikan kadangkala telah bersikap tidak adil kepada pekerja-pekerja. Apatah lagi kalau kita tengok ramai daripada pekerja-pekerja ini adalah merupakan mereka yang tidak mempunyai pendidikan tinggi, yang mahu bekerja, mendapat pekerjaan dan akan terima sahaja apa syarat yang diberikan oleh majikan itu sehinggakan - memang sepatutnya dipotong EPF daripada gaji mereka - dipotong EPF tetapi tidak dibantar kepada **EPF**. Apabila kes-kes **ini**.

dibawa kepada pihak pengaduan, saya tengok, yang paling kuat hukuman yang diberikan tidaklah sepertimana yang telah disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Sebab itu, saya merasakan Kerajaan mesti menjaga kepentingan mereka yang tidak berilmu, yang sentiasa akan menjadi mangsa kepada mereka yang berilmu. Orang penjenayah kolar putih ini telah menggunakan kesempatan kekurangan di pihak-pihak pekerja dan menggunakan kesempatan itu untuk mengambil sesuatu yang merupakan hak kepada pekerja-pekerja ini dan disalurkan kepada tempat yang lain. Sebab **itu**, hukuman yang harus dikenakan kepada mereka yang telah menyelewengkan wang pekerja-pekerja ini bukan hanya setakat untuk dikenakan dengan denda yang rendah tetapi sepatutnya mesti diberikan hukuman sepertimana yang ada di sini. Sebab mereka telah menyebabkan orang yang tidak berilmu ini menjadi mangsa kepada perbuatan mereka **ini**. Ini satu perkara yang kita tidak boleh mempertahankan.

Sebab **itu**, dalam soal wang yang dipotongkan itu sebagai amanah, kalau tidak disalurkan kepada dana yang tertentu, maka itu merupakan pecah amanah (breach of trust) dan saya bersetuju ada kesalahan "breach of trust" di sini dan orang-orang seperti ini mesti didakwa dan kalau didapati salah, mesti diberikan hukuman yang berat sepertimana yang telah disebutkan dalam Rang Undang-undang Kanun Keseksaan ini.

Saya amat bersetuju dengan apa yang hendak dilakukan oleh Kerajaan, kerana kita mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kepentingan rakyat umum yang pada majoriti yang besarnya, mereka yang tidak berilmu dan berpendidikan, senang menjadi mangsa kepada mereka yang berpendidikan. Oleh kerana itu, ada tanggungjawab Kerajaan untuk membela orang-orang yang menjadi mangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat bahawa seksyen 409A, dalam Rang Undang-undang ini menyatakan bahawa:

"409A. It is no defence for any offence prescribed in sections 403, 404, 405, 406, 407, 408 and 409 to show that the property was openly appropriated or that the appropriation was duly recorded"

Kita semua tahu dalam kes jenayah kolar putih ini kadangkala sesuatu perkara itu dilakukan dengan cara yang tidak betul, Kemudian, oleh kerana yang penting ialah rekod, maka kemudiannya baru direkodkan dalam minit atau dalam apa-apa sekali pun yang menyatakan bahawa appropriation itu dilakukan secara terbuka dan adalah tidak tersembunyi, maka tidaklah dianggap sebagai satu perkara jenayah. Kita semua tahu bahawa pihak-pihak akauntan dan peguam yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mereka ini telah menggunakan ilmu yang ada kepada mereka bukan untuk melakukan kebaikan, tetapi dengan ilmu yang ada kepada mereka ini telah menyalahgunakan dan menyelewengkan ilmu ini untuk mendapat keuntungan yang tidak sepatutnya diterima oleh mereka. Sebab itu,

soal rekod ini hanya merupakan dokumen penulisan yang dibuat tanpa persetujuan daripada orang ramai. Tetapi oleh kerana rekod membenarkan hanya diputarakan rekod itu sahaja, itu telah menghalalkan perbuatannya. Sebab itu, saya bersetuju dengan Kerajaan untuk menyatakan di bawah 409A ini iaitu ianya tidak menjadi defence bagi kesalahan di bawah 403, 404, 405, 405, 406, 407, 408 dan 409 - dengan hanya menunjukkan rekod di situ bahawa sesuatu harta itu telah diambilalih secara terbuka ataupun telah direkodkan dan telah dimasukkan dalam buku-buku **ini**. Ini kita semua tahu bahawa rekod merupakan sesuatu yang boleh diputarbelitkan oleh orang. Apabila seseorang itu tahu perbuatan itu adalah salah, maka untuk memperbetulkan suasana, dia hanya membetulkan rekod.

Jadi, di sini apa yang disebutkan oleh Rang Undang-undang ini iaitu "It is no defence to show that the property was openly appropriated", saya merasakan ini adalah satu cara untuk kita membantu Kerajaan bagi kita menangkap orang-orang yang telah menyalahgunakan kuasa mereka untuk melakukan jenayah kolar putih **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat di bawah seksyen 409B (1), pada mukasurat 8, dibawah sekali sebelum sampai ke perenggan (2), mengatakan:

"....it shall be presumed that he had acted dishonestly until the contrary is proved."

Saya bersetuju bahawa dalam soal kita hendak membantu pihak

Prosecution untuk menangkap seseorang manusia, kalau dia telah melakukan satu kesalahan, cukuplah bagi pihak yang mendakwa untuk menunjukkan bahawa "defendant" ada *prima facie* case to answer - itu cukup. Dalam soal "dishonesty" sekarang ini pihak defendant adalah dianggap sebagai "dishonest" sehinggalah dia berjaya untuk menunjukkan bukti-bukti yang dapat menunjukkan bahawa dia tidak "dishonest".

Selama hari ini, dalam kes inilah saya jangkakan, agak sukar bagi Prosecution untuk mencari bukti-bukti yang dapat menunjukkan defendant ini dishonest kerana banyak daripada bukti-bukti ini telahpun dimusnahkan oleh pihak defendant untuk menutup dan menyembunyikan perbuatan-perbuatan yang akan merupakan bukti yang boleh menunjukkan bahawa dia telah melakukan jenayah kolar putih. Sebab itu, dengan kita memindahkan "the burden of proof", dengan izin, daripada pihak Pendakwa kepada pihak defendant supaya dia dianggap sebagai dishonest sehinggalah dia dapat membuktikan bahawa dia tidak dishonest, saya merasakan ini banyak akan dapat membantu pihak Pendakwa untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kita yang terpaksa membuang kes kerana kurang adanya bukti-bukti yang dapat menunjukkan seseorang itu telahpun melakukan perbuatan dengan "dishonesty".

Dengan cara ini, saya merasakan bahawa kita dapat mengatasi masalah kecanggihan yang ada di kalangan orang-orang penjenayah kolar putih ini yang dapat menutup kes mereka dengan memusnahkan segala bukti-bukti yang dapat menunjukkan bahawa mereka ini telahpun dishonest di dalam melakukan perbuatan ini.

Saya menyokong perkara ini kerana saya rasa dalam soal oleh kerana kes jenayah kolar putih ini merupakan kes-kes yang begitu canggih yang tidak mudah untuk kita mencari bukti untuk menunjukkan kesalahan orang itu, maka saya bersetuju bahawa pihak pendakwa hanya cukup sekadar untuk menunjukkan bahawa dengan izin, there is a prima facie case for the defendant to answer. I think that is enough. Sebab, kalau tidak, maka pihak-pihak penjenayah kolar putih akan bertambah digalakkan dengan kekurangannya kanun keseksaan ini, dalam bidang burden of proof ini, akan menggalakkan mereka untuk terus melakukan lebih banyak lagi jenayah kolar putih ini.

Saya percaya bahawa kalau sekiranya Rang Undang-undang ini dijadikan sebagai satu akta, saya cukup yakin dan percaya bahawa selepas ini kita akan dapat menangkap dengan lebih ramai lagi penjenayah kolar putih kerana mereka akan terpaksa menunjukkan bahawa mereka tidak dishonest dan the burden of proof ini bukanlah diletakkan kepada bahu pendakwa tetapi telah dipindahmilik kepada pihak defendant untuk membuktikan kejujuran mereka.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian kerana memikirkan perkara ini kerana dalam soal dishonesty ini, kita tidak bercakap tentang soal guilt. Kalau kita bercakap tentang guilt, maknanya kita terpaksa menganggap seseorang itu sebagai innocent sehingga pendakwa dapat membuktikan guiltnya. Tetapi di sini bukan soal guilt. Di sini soal dishonesty. Jadi, kalau ada di kalangan kita yang mengatakan bahawa adalah tidak adil untuk menganggap seseorang itu sudah guilty tanpa pihak pendakwa membuktikan innocence ataupun kesalahannya, di sini soalnya bukan soal guilt. Di sini soalnya ialah soal the element of dishonesty.

Jadi, ada perbezaannya di sini dan tidak perlu kita merasa bimbang seolah-olah the burden of proof ini adalah melanggar prinsip undang-undang jenayah yang mana di Malaysia, kita menganggap seseorang itu sebagai innocent unless proven guilty. Itu dalam soal guilt. Tetapi di sini, apa yang bendak dilakukan oleh Rang Undang-undang ini ialah dalam soal dishonesty. Kalau dia tidak berjaya untuk membuktikan bahawa dia honest, maka dia dishonest. Itu sahaja. Jadi, saya menyokong apa yang dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi dalam kita hendak melawan, membanteraskan jenayah kolar putih ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa untuk ke belakang sedikit. Ini berkenaan dengan menyokong Rang Undang-undang ini, tentang di mana kita tengok kesukaran di masa-masa yang lepas untuk kita menangkap penjenayah ini ialah kerana mereka mempunyai defense yang mengatakan perbuatan mereka itu tidak menyebabkan seseorang itu

mendapat kerugian, memperbanyakkan ataupun menguntungkan dia. Ini berkenaan dengan muka 1, Penal Code section 24, di mana dia berkata bahawa:-

"Dis- 24. Whoever does anything with the intention
honestly" of causing wrongful gain to one person, or
wrongful loss to another person irrespective
of whether the act causes actual wrongful
loss or gain, is said to do that thing
"dishonestly".

Jadi, apa yang saya menyokong benda ini, kadangkala kita tengok, defense yang telah dipleakan (pleaded) oleh defendant, dia mengatakan bahawa perbuatan saya itu tidak menyebabkan dia kerugian daripada segi kewangan. Jadi, macam mana hendak mengatakan bahawa saya dishonest. Ini, selalu di dalam mana-mana mahkamah, kes ditendang keluar kerana dia menyatakan bahawa perbuatan dia itu tidak menyebabkan kerugian berlaku kepada mangsa. Walaupun diharapkan oleh dia supaya kerugian itu berlaku tetapi oleh kerana sesuatu itu tidak berlaku, maka selalu dia terlepas. Tetapi perbuatan niat jahat dia itu sudah ada. Cuma yang tidak ada ialah kerugian kepada mangsa itu sahaja. Tetapi memang dia berniat. Apa yang dia buat itu memang dia hendak merugikan mangsanya itu. Tetapi disabitkan oleh kerana perkara tertentu, mangsanya tidak rugi, apabila kes ini dibawa, walaupun itu merupakan satu perbuatan yang dia mempunyai niat untuk merugikan mangsanya, tetapi oleh kerana perkara kerugian kepada mangsa itu tidak berlaku, maka dia selalu

plead, dia kata, "perbuatan saya tidak merugikan dia". Oleh kerana itu tidak ada kes. Ini selalu berlaku dalam mahkamah. Sebab itu, jumlah kes jenayah kolar putih ini banyak dibuang kes kerana perkara-perkara seperti ini.

Jadi, saya merasakan bahawa apabila pihak Kementerian telah memasukkan dalam Kanun Keseksaan ini, perkara iaitu bahawa it is irrespective, irrelevant sama ada mangsa itu mendapat keuntungan ataupun kerugian, asalkan perbuatan itu telah dibuat, maka itu sudah cukup untuk dia didakwa. Kalau didapati bersalah, maka haruslah dia diberikan hukuman.

Saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan yang saya nampak di dalam Rang Undang-undang ini, ada kesungguhan untuk membanteras-kan jenayah kolar putih ini. Sudah tentulah kita akan memberi sokongan yang kuat kerana sepertimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, kes jenayah kolar putih ini ialah kes-kes yang mana orang yang berilmu menyalahgunakan ilmunya untuk menipu mangsa yang tidak berilmu. Sebab itu, kita mesti mencari segala jalan, kalau sekiranya kita kalah kepada kepakaran yang kurang kepada kita untuk membanteras-kan jenayah seperti ini, maka kita barus perkukuhkan Akta kita supaya dapat membantu kekurangan kepakaran yang ada kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di mana hukuman-hukuman yang telah ditentukan di bawah Akta ini, telah banyak menampak dan menunjukkan bahawa we really mean business, dengan izin. Ini

penting. Sebab, saya lihat kalau di masa-masa yang lepas, selalunya hukuman itu adalah penjara ataupun denda. Sekarang ini, kita buang perkataan "atau" dan kita campur "dengan" iaitu bahawa seseorang yang didapati bersalah, di bawah seksyen 403, 404, 406, 407, 408 dan 409 bukan sahaja kita memenjarakan dia tetapi kita kata "penjara dan denda dan sebat".

Saya cukup sokong perkara ini kerana kita semua tahu bahawa dari segi hukuman, ianya bukan hanya setakat kita hendak menghukum (punish) tetapi ia juga mesti merupakan deterrent. Oleh kerana perkataan deterrent ini, maka itulah dimasukkan dengan "whipping" dan kalau dahulunya ada diberikan kepada hakim pilihan sama ada hendak penjarakan dia ataupun denda. Tetapi sekarang hakim tidak ada pilihan melainkan hakim mesti penjarakan dia, denda dia dan juga sebat dia, Jadi, ini satu perkara yang baik dan saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan dalam kesungguhannya untuk membanteraskan jenayah kolar putih ini.

Cuma ada dua perkara yang hendak saya perkuatkan lagi berkenaan dengan hukuman ini.

Saya tidak mempunyai Akta ibu bersama dengan saya, tetapi saya hendak bertanya kepada pihak Kerajaan iaitu saya merasakan bahawa penjara, sebat dan denda tidak cukup.

Adalah penting di dalam kita hendak membanteraskan jenayah ini, kita mesti beritahu kepada penjenayah iaitu dengan izin, crime does not pay. Ini kita kena beritahu kepada mereka, iaitu dalam bentuk apa sekalipun jenayah tidak akan mendatangkan keuntungan kepada kita. Oleh kerana itu, kita kena pastikan supaya mereka yang telah didapati salah, yang telah dijel, penjara, disebat dan denda, mereka juga jangan diberi peluang untuk apabila mereka keluar daripada jel nanti mereka mempunyai wang yang telah mereka 'sapu' terlebih awal itu, setelah dia menjalani hukumannya apabila dia keluar, maka wang itu masih ada untuk dia enjoy bagi masa-masa yang akan datang. Sebab kalau dia dibenarkan menyimpan wang-wang yang telah dia tipu itu di satu-satu bank yang tertentu, apabila dia keluar, dia akan mengatakan 'crime does pay, okay, I've served my term'. Saya duduk 5 tahun, saya disebat dan didenda, tetapi sekarang saya bebas. Saya sudah keluar, saya ada wang RM1 juta di Swiss Bank, yang telah saya curi terlebih awal dahulu, yang boleh saya belanjakan hingga sampai hayat saya tidak ada di dunia ini. Oleh sebab itu, saya ingin tahu

kerana saya tidak mempunyai Akta ibu. Apakah di dalam Akta ibu itu kita ada membangkitkan soal 'restitution', iaitu wang-wang yang telah 'dilesapkan' ini kalau sekiranya kita dapat 'trace' dia, maka restitution must be made. Kita tidak mahu wang yang dilesapkan ini dibawa keluar negeri disimpan di satu bank yang ada disembunyikan nombornya, maka kita tangkap di dalam negeri dan kita dakwa dia. Jika didapati salah kita hukum dia, selepas dihukum dia keluar negeri, dia dapat enjoy duit ini, which means that crime does pay - akhirnya kita dapat enjoy the fruits of our crime. Yang ini kita tidak mahu. Sebab itu saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian apakah dalam kita menjatuhkan hukuman kepada penjenayah ini, kita juga telah membangkit tentang soal 'restitution' iaitu barang-barang yang telah dilesapkannya itu mesti di'trace'kannya kembali dan disuruh kembalikan wang itu.

Saya tidak tahu seperti kes BMF, apa yang telah berlaku kepada wang BMF. Kita dengar pada hari ini Lorraine Osman telah dibebaskan oleh mahkamah Hong Kong. Dia masih sihat, umurnya 60 tahun, kalau umurnya panjang sehingga 80 tahun, dia ada 20 tahun lagi. 20 tahun lagi kalau dia ada wang itu di luar negeri dia boleh enjoy dengan wang itu. Ini bermakna 'crime does pay'. Sebab itu, dalam soal ini saya ingin tahu apakah kita ada memberi peruntukan bagi memastikan bahawa restitution must be made. Wang-wang yang telah dilesapkan itu hendaklah dikembalikan, di'trace'kan di mana-mana juga.

Yang kedua, bagi memperkuatkan supaya crime does not pay. Kalau boleh sepertimana yang telah kita lakukan terhadap mereka yang menyalahgunakan dadah (drug trafficking), bagi mereka yang dikenakan hukum gantung, maka bukan setakat kita gantung dia, tetapi harta pesaka, harta dia semua kita ambil alih.

Saya ingin bertanya apakah tidak boleh untuk menunjukkan bahawa kita bersungguh dalam hal ini, bukan sahaja wang yang dilesapkan oleh dia itu hendaklah dikembalikan, tetapi juga harta-harta dia hendaklah dirampas.

Sepertimana yang kita semua tahu iaitu bahawa orang-orang yang melakukan jenayah kolar putih ini merupakan orang-orang yang telah disebut oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi, ialah orang yang berilmu seperti akauntan, lawyer dan sudah tentulah orang-orang ini mempunyai harta sebab kalau dia dapat menjadi akauntan, menjadi lawyer dan bermacam-macam lagi dia merupakan orang yang mempunyai keupayaan untuk mengumpul harta. Jadi, kalau dia telah melakukan perbuatan yang salah mengikut Kanun Keseksaan ini, apakah tidak boleh kita katakan, iaitu kita rampas hartanya juga? Kalau ini kita lakukan sudah tentu akan menyebabkan satu perkara yang 'deterrent' kepada the future potential criminals' di masa yang akan datang. Sebab dia tahu, kalau aku buat kerja ini, aku kena tangkap, bukan sahaja aku kena masuk jel, kena sebat dan juga kena denda, bukan sahaja aku kena kembalikan wang ini, tetapi harta aku juga akan kena ambil. Ini sebagai deterrent for future potential white-collar criminals.

Saya rasa kalau boleh diterima kita masukkan juga di bawah hukuman supaya harta orang-orang yang telah didapati salah ini juga boleh dirampas oleh pihak Kerajaan kita.

Selain daripada saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian berkenaan dengan soal 'restitution' itu wujud ataupun tidak di bawah Akta ibu Kanun Keseksaan ini, maka dengan kata-kata itu sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah bersungguh-sungguh menunjukkan bahawa kita mahu membanteraskan jenayah kolar putih yang sedang berleluasa di negara kita pada ketika ini.

Sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 1993. Terima kasih.

Dato' Azumu bin Tak: Dipersilakan pihak Kerajaan menjawab.

5.57 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-per.tua, bagi pihak Kementerian saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, iaitu Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, yang telah memberi pandangan dan beberapa cadangan yang berguna serta boleh membantu Kementerian dalam usaha Kerajaan untuk membanteraskan jenayah kolar putih ini.

Di sini sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa pindaan ini adalah menunjukkan kesungguhan dan keazaman Kerajaan kita untuk membanteraskan jenayah kolar putih di negara kita.

Seperti yang saya kata awal-awal lagi, kemajuan ekonomi, kemajuan negara, kecanggihan ilmu sekarang semakin hari semakin canggih, maka begitu juga masalah mengenai jenayah kolar putih makin hari makin bertambah di negara.kita. Jadi dalam pandangan Kerajaan adalah perlu dan tiba pada masanya untuk Kerajaan memberitahu kepada bakal penjenayah-penjenayah ini, bahawa Kerajaan adalah berazam untuk membendung segala kesalahan ini. Dengan tujuan itu maka Kerajaan telah pun. memperketatkan berbagai peruntukan dalam Rang Undang-undang ini, begitu juga Kerajaan telahpun membuat keputusan bahawa satu hukuman mandatori mesti diadakan untuk menunjukkan bahawa, dengan izin, *crime does not pay*. Kita harap dengan adanya peruntukan-peruntukan yang lebih ketat dan juga hukuman-hukuman yang begitu berat yang telah kita luluskan dalam Dewan ini, maka kita, harap masalah jenayah kolar putih ini dapat dikurangkan di negara kita, dengan cara ini kita dapat menentukan bahawa masalah dan kebajikan orang ramai juga dapat dilindungi oleh Kerajaan.

Mengenai beberapa perkara yang telah disentuh tadi oleh Yang Berhormat Puan Rosalind Yau Shuk Meng yang telah pun menyokong dan beliau juga telah membuat beberapa cadangan. Jadi, Kerajaan akan menimbang dan memperhatikan cadangan-cadangan itu kerana Kerajaan sentiasa sedia menerima apa-apa juga cadangan yang baik untuk kita sama-sama mengatasi masalah jenayah kolar putih ini.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamcd Nazri juga telah raembcrikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini dengan membuat berbagai hujah yang bernas yang memperkukuhkan lagi keazaman Kerajaan dalam usaha kita untuk mengatasi masalah jenayah kolar putih ini. Beliau juga telah menimbulkan beberapa perkara dan saya ingin menjawab, iaitu yang pertama tadi mengenai cadangan 'restitution' ataupun pembayaran balik.

Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Kanun Keseksaan yang merupakan satu perundangan yang memperuntukkan untuk kesalahan-kesalahan dan hukuman. Perkara-perkara seperti restitution dan rampasan harta lebih bersifat remedy dan tidak sesuai dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, cadangan itu adalah satu cadangan yang baik dan kita akan pertimbangkan semasa kita mengkaji semula undang-undang yang relevan, iaitu Kanun Acara Jenayah.

Dengan jawapan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan apa-apa perkara yang saya tidak sentuh atau tidak jawab, akan diambil perhatian oleh Kementerian dalam usaha kita membanteras jenayah kolar putih di negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa,

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PROFESION
UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 1993**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.04 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 1993 untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang undang-undang ini ialah untuk meminda peruntukan Akta Profesion Undang-undang 1976 yang berkaitan dengan tatacara pengendalian tatatertib terhadap peguam serta untuk penubuhan suatu tabung tatatertib. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1992 memperkenalkan tatacara baru bagi mengendali tatatertib terhadap peguam. Di bawah pindaan tersebut, suatu Lembaga Tatatertib telah ditubuhkan dengan memberi kuasa kepada Lembaga tersebut untuk menubuhkan Panel Jawatankuasa Tatatertib dan Panel Tribunal Penyiasatan bagi membantunya dalam penyiasatan terhadap aduan-aduan yang diterima terhadap peguam. Pindaan

tersebut walaupun telah dikuatkuasakan mulai 1hb April, 1992, tetapi tidak dapat berfungsi kerana undang-undang yang sedia ada tidak membuat peruntukan mengenai sumber kewangan bagi maksud membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan dengan pelaksanaan tatacara yang baru. Di samping itu Lembaga Tatatertib telah juga mengemukakan beberapa cadangan bagi mengemaskinikan mekanisme dari segi struktur, prosedur serta aspek-aspek penguatkuasaan bagi maksud melicinkan tatacara baru pengendalian disiplin terhadap peguam seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal bertujuan meminda seksyen 96 supaya keanggotaan panel Jawatankuasa Tetertib ditingkatkan daripada 30 orang seperti yang diperuntukkan pada ketika ini kepada satu bilangan yang munasabah mengikut budibicara Lembaga Tatatertib. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan kepada keanggotaan Jawatankuasa tersebut hendaklah tertakluk kepada nisbah 2 orang peguam dan seorang ahli biasa selaras dengan prinsip- nisbah peguam orang biasa seperti ditetapkan di bawah seksyen 96(1). Cadangan ini adalah bertujuan untuk membolehkan Lembaga Tatatertib menubuhkan beberapa Jawatankuasa Tatatertib mengikut bilangan kes dan juga negeri atau tempat kes itu berlaku.

Sejak 1hb April, 1992 terdapat hampir 500 aduan terhadap peguam yang menunggu penyiasatan. Adalah dicadangkan supaya seksyen 96 dipinda bagi membolehkan perluasan keanggotaan Panel Jawatankuasa Tatatertib.

Berasaskan kepada alasan-alasan seperti yang disebutkan di atas, adalah dicadangkan juga melalui Fasal 3 Rang Undang-undang ini

supaya keanggotaan Panel Tribunal Penyiasatan ditingkatkan daripada 60 orang seperti yang diperuntukkan pada ketika ini di bawah seksyen 97(1) kepada satu bilangan yang munasabah mengikut budibicara Lembaga Tatatertib. Sebarang perubahan kepada keanggotaan Panel Tribunal Penyiasatan -hendaklah tertakluk kepada nisbah dua orang peguam dan seorang ahli biasa selaras dengan nisbah yang ditetapkan di bawah seksyen 97(1).

Fasal 4 Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 100(1) untuk memberi budibicara kepada Lembaga Tatatertib menubuhkan sesuatu Tribunal Penyiasatan, hanya jika Lembaga berpuashati bahawa sesuatu aduan itu mempunyai merit untuk disiasat oleh satu Tribunal tersebut. Tni Adalah untuk memastikan hanya aduan-aduan yang berasas dirujuk kepada Tribunal dan bertujuan untuk menjimatkan masa dan tenaga Tribunal tersebut serta menjimatkan perbelanjaan Lembaga. Aduan-aduan yang-sia-sia dan frivolous akan ditapis secara suramarily oleh Lembaga Tatatertib. . Di bawah peruntukaa yang sedia ada, Lembaga terpaksa menubuhkan satu Tribunal Penyiasatan sebaik sahaja menerima sesuatu aduan walaupun Lembaga berpuashati aduan tersebut tidak berasas.

Pindaan kepada Seksyen 101(1) pula bertujuan memberi kuasa kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib untuk melanjutkan tempoh penyiasatan oleh sesuatu Tribunal Penyiasatan, jika penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh dua bulan seperti yang ditetapkan di bawah seksyen tersebut.

Melanjutkan tempoh siasatan hendaklah atas permohonan Tribunal berkenaan dan bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan oleh Pengerusi Lembaga. Ini ialah kerana mungkin terdapat kes-kes yang rumit, yang mana sesuatu siasatan yang teliti tidak dapat diselesaikan dalam tempoh dua bulan.

Cadangan pindaan kepada Seksyen 101(3) bertujuan untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan kerana gagal atau enggan mengemukakan kepada Tribunal penyiasatan sebarang buku, dokumen atau kertas atau enggan memberi sebarang maklumat yang berkaitan. Penalti bagi kesalahan ini ditingkatkan daripada denda sebanyak tidak melebihi RM500 yang sedia wujud kepada denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-dua sekali.

Lembaga Tatatertib berpendapat denda RM500 yang diperuntukkan di bawah Seksyen ini, tidak akan berkesan untuk memperolehi kerjasama pihak-pihak yang berkenaan dalam sesuatu siasatan oleh Tribunal Penyiasatan. Ada pihak yang akan enggan mengemukakan

maklumat dan bersedia merabayar denda RM500 yang ditetapkan.

Fasal 6 bertujuan meminda Seksyen 103(2) untuk menetapkan bahawa sebarang penalti yang dikenakan terhadap seorang peguam hendaklah dibayar dalam tempoh sebulan dan jika peguara berkenaan gagal berbuat demikian, Lembaga Tatatertib boleh mengarah supaya peguam tersebut digantung daripada mengamal sebagai Peguambela atau Peguamcara sehingga denda tersebut dijelaskan. Peruntukan yang sedia ada tidak menetapkan tempoh bagi seorang peguam yang didapati salah di bawah seksyen ini untuk menjelaskan denda yang dikenakan.

Pindaan kepada Seksyen 103B bertujuan mengurangkan keanggotaan Jawatankuasa Disiplin kepada tiga orang iaitu dua orang peguam dan seorang bukan peguam. Keanggotaan yang lebih kecil akan membolehkan jawatankuasa tersebut bergerak dan bertindak secara lebih licin. Sesuatu kuorum yang besar akan menimbulkan masalah dari segi kedatangan untuk bersidang dan menyelesaikan kes yang dirujuk.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 103D bercujuan memberi kuasa kepada Lembaga Tatatertib untuk mengeluarkan sesuatu perintah atas budi bicara jika Lembaga tersebut tidak bersetuju dengan sesuatu perakuan Jawatankuasa Tatatertib. Ini ialah kerana peruntukan yang sedia wujud menghadkan Lembaga Tatatertib untuk mengaku terima sebarang perakuan oleh Jawatankuasa Tatatertib, Dari segi hukuman yang diperakukan, Lembaga hanya boleh menerima perakuan Jawatankuasa atau meningkatkan hukuman yang dicadangkan. Lembaga tidak mempunyai kuasa untuk menolak sesuatu perakuan oleh

Jawatankuasa atau kuasa untuk meringankan sesuatu hukuman yang diperakukan.

Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menegakkan kuasa dan peranan Lembaga Tatatertib sebagai badan induk yang bertanggungjawab untuk mengawal disiplin di kalangan peguara. Lembaga Tatatertib yang dipengerusikan oleh seorang yang bertaraf tidak kurang daripada Hakim Mahkamah Tinggi itu harus diberi kuasa untuk mengubahsuai sebarang perakuan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik oleh badan tersebut.

Fasal 9 Rang Undang-undang bertujuan membuat peruntukan di bawah seksyen 103 Akta Profesion Undang-undang 1976 untuk menubuhkan suatu tabung tatatertib yang akan ditadbirkan oleh Majlis Peguam bagi membiayai sebarang perbelanjaan berhubung dengan pengendalian mekanisma tatatertib yang diwujudkan di bawah Bahagian VII Akta tersebut, perbelanjaan-perbelanjaan yang terlibat termasuk elaun perjalanan dan elaun sara hidup bagi anggota-anggota Lembaga Tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib dan Panel Tribunal Penyiasatan.

Tabung yang dicadangkan ini akan dibiayai melalui sumbangan tahunan berupa sesuatu amaun sepertimana yang ditetapkan oleh Majlis Peguam akan dikenakan terhadap setiap peguamcara dan peguambela semasa permohonan untuk Sijil Amalan Tahunan, yuran-yuran yang ditetapkan dari raasa ke semasa di bawah Seksyen 140; bagi penerimaan masuk khas sebagai peguambela dan peguamcara, Seksyen 18(4); penerimaan masuk sebagai peguarabela dan peguamcara, Seksyen 28(3); dan pengeluaran Sijil Amalan Tahunan, Seksyen 29(i)(c); dan kutipan

daripada denda, penalti atau sebarang bayaran lain seperti yang diperintahkan supaya dibayar oleh Lembaga Tatatertib.

Adalah juga dicadangkan bahawa peruntukan. dibuat dengan meminda seksyen 103 untuk meraberi kuasa kepada Lembaga Tatatertib dengan persetujuan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang wajar dan perlu bagi melicinkan pengendalian peruntukan-peruncukan di bawah Bahagian VII Prosiding Tatatertib Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan-pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini berCujuan untuk mengemaskinikan serta melicinkan mekanisma dan prosedur baru mengenai pengendalian tatatertib terhadap peguam-peguam yang telah diperkenalkan di bawah Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1992.

Prosedur tatatertib yang baru ini seharusnya berkuasa mulai 1hb April 1992, tetapi tidak dapat dilaksanakan khususnya kerana peruntukan tidak dibuat untuk membiayai perbelanjaan berkaitan dengan pengadilan prosedur baru tersebut.

Tuan Yang di-pertua, cadangan-cadangan baru ini jika dipersetujui akan dapat mengawal sebarang penyelewengan dan tatakelakuan negatif oleh para peguam derai kebaikan profesion serta kualiti perkhidmatan yang dapat disumbang oleh profesion tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibacakan kali yang kedua sckarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

6.15 ptg.

Tuan Haji Hohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (pindaan) 1993.

Ada tiga, empat perkara yang hendak saya sebutkan dengan tujuan untuk memperkukuhkan Rang Undang-undang ini scpertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tujuannya ialah untuk memastikan supaya perkara-perkara penyelewengan dan negatif tidak akan dilakukan lagi oleh pihak-pihak peguam dalam mereka mengendalikan kerja-kerja harian mereka dengan orang-orang biasa.

Saya pun merasa hairan, macam mana satu Rang Undang-undang harus diwujudkan bagi mereka yang meraahami undang-undang. Tetapi, begitulah lumrah dan lazimnya, orang yang lebih tahu daripada orang yang lain, merekalah merupakan punca yang menyebabkan berlakunya penyelewengan terhadap mereka yang tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin bercakap berkenaan dengan komposisi Panel Jawatankuasa Tatatertib dan juga Lembaga Tatatertib. Di sini ada dua badan yang telah disebutkan di bawah seksyen 96 dan 97. Saya difahamkan oleh keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, iaitu bahawa apa juga perubahan yang dilakukan terhadap komposisi kedua-dua badan **ini**, ianya tidak bolehlah lari daripada kadar iaitu dua bagi pihak

peguambela dan peguamcara dan seorang daripada orang biasa.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, betulkah?

Tuan Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betul ya, iaitu komposisinya tidak boleh lari daripada kadar kaedah dua daripada pihak peguambela dan peguamcara dan seorang daripada orang biasa.

Jadi, soalnya di sini, bagaimanakah kita boleh merasa yakin iaitu satu-satu kes yang hendak dibawa berkenaan dengan aduan yang dibuatkan terhadap pihak-pihak peguam yang mana daripada peringkat awal, kita tahu iaitu bahawa kalau keputusannya itu berasaskan kepada keputusan majoriti, bermakna majoritinya terdiri daripada mereka yang datang daripada golongan profesion peguam itu Sendiri. Kepada saya, apa yang dilakukan di sini ialah iaitu hanya setakat untuk mencuci mata sahaja, bermakna cuma 'window dressing', untuk menunjukkan bahawa ada penglibatan daripada orang ramai dalam kes-kes pengaduan yang dibuat terhadap peguam-peguam, walhal sepertimana yang kita tahu dalam kes **ini**, keputusan yang majoriti dan majoriti yang mereka duduk dalam kedua-dua badan ini adalah terdirinya daripada orang yang datang daripada profesion itu.

Jadi, soalnya di sini, saya melihat, kalau dalam kes Raja-raja kita hendak menghakimi sesuatu jenayah atau perbuatan kesalahan yang dilakukan oleh Raja-raja, kalau tidak silap saya, pihak Raja hanya diizinkan untuk menyediakan dua hakim daripada pilihan mereka, dan tiga orang daripada pihak kehakiman. Jadi, berraakna kedudukan peguam-peguam ini adalah lebih tinggi martabatnya daripada Raja-raja. Raja pun yang dianggap sebagai orang yang kita hormati, kalau dia melakukan kesalahan, dia hanya diizinkan dengan melantik dua orang hakim pilihannya. Daripada kumpulan komposisi lima hakim, tiga orang adalah daripada pihak kehakiman. Tetapi peguam ada immunity dan kedudukannya lebih tinggi daripada Raja-raja, sebab dia boleh melantik dua orang lebih daripada orang ramai. Maknanya dalam apa kes juga yang hendak dibawa oleh pihak orang biasa mengadu tentang satu kesalahan yang dilakukan oleh peguam, sudah tentu tidak akan mendapat satu keputusan yang baik, kerana dari jumlah komposisinya, kaedahnya ialah dua orang daripada peguam dan seorang daripada orang biasa.

Mengikut prinsip undang-undang, dengan izin, justice must not only be done but must be seen to be done. Bukan orang biasa yang membuat prinsip atau maxim ini. Yang pembuat prinsip atau maxim ini ialah peguam sendiri. Peguam yang berkata bahawa, dengan izin, justice must not only be done but must be seen to be done. Macam mana kalau seorang biasa apabila mengadu satu kes kepada panel ini merasakan bahawa justice will be done when it is not seen to be done. It is not seen to be done, sebab daripada hakim yang ia hendak hadapi ini, dua orang terdiri dari pihak peguam dan satu daripada orang ramai. Dan yang kita hendak mengadu kesalahan ini

ialah tentang seorang peguam. Peguam dengan peguam ini mereka adalah brotherhood relationship, dengan izin. Mereka mengeluarkan prinsip, "We can only be tried by our peers." Jadi, bermakna mereka hanya boleh dihakimi oleh orang yang setaraf dengan mereka. Tetapi at the same time dia pula ada satu prinsip yang lain-yang mengatakan bahawa "Justice must not only be done, but-must be seen to be done". How can justice be seen to be done kalau dua orang yang menghakimi itu terdiri daripada dua dari rakan-rakannya yang akan menghakimi kes yang mana ia telah diadakan di hadapan rakan-rakannya.

Jadi, saya agak ini tidak boleh terima sebab kalau sekiranya pihak Kementerian bersetuju dengan cadangan peguam-peguam, iaitu dalam apa juga perubahan yang hendak dilakukan kepada komposisi Jawatankuasa Tatatertib dan juga Panel Tatatertib ini, maka kadar kaedahnya atau rasionya mesti 2:1. Apa cadangan Bar Council ini! Saya tidak tahu, Yang Berhormat, apa yang dia nasihatkan kepada Kementerian kita. Jangan hanya setakat hendak tunjuk bahawa ada penglibatan daripada orang biasa dalam kes-kes ini, Saya rasa ini tidak adil. Sebenarnya apa yang saya telah dan sedang fikirkan iaitu, kalau boleh kita adakan komposisinya begini; satu daripada orang biasa, satu daripada peguam dan satu daripada judiciary, itu baru adil. Kita ada tiga peringkat - peringkat kehakiman, peringkat lawyers dan peringkat orang biasa. Ini komposisi yang seadilnya. Sebab kalau panel itu terdiri daripada tiga orang, iaitu seorang peguam, seorang yang datang daripada judiciary yang boleh merupakan seorang hakim ataupun seorang majistret dan seorang dari orang ramai. Dan tiga orang ini akan menghakimi kes yang dibawa di

hadapan Jawatankuasa itu. Maka barulah orang biasa akan ada keyakinan dengan keputusan yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib ini. Kalau saya sebagai orang biasa, saya tidak akan yakin kalau dalam Jawatankuasa Tatatertib itu ada dua peguam dan satu orang biasa. Yang saya hendak mengadu hal ini, sebab ada seorang peguam yang menipu saya. Saya bawa kes itu di hadapan panel, yang hendak menghakimkan saya ialah dua orang peguam. Saya tak percaya peguam ini, walaupun saya seorang peguam. Tetapi saya peguam, saya" dalam politik, rakyat percaya pada saya, sebab itu saya....itu lainlah. [Ketawa]

Jadi, saya langsung tidak setuju. Saya percaya perkara ini telahpun dibincangkan di antara pihak Kementerian, Pejabat Attorney-General dengan pihak Bar Council. Saya pun mera^a hairan macara mana Kementerian boleh menerima cadangan daripada Bar Council ini. Justice must be seen to be done - it is very important, penting. Sebab itu saya ingin mencadangkan di masa-masa yang akan datang, bagi Seksyen 96 dan 97 berkenaan dengan komposisi Jawatankuasa Tatatertib dan Panel Tatatertib ini biarlah komposisinya ialah terdiri daripada kaedah satu daripada peguam, satu dari orang ramai dan satu daripada Judiciary. Judiciary - saya percaya, tetapi peguam saya belum percaya lagi.

Saya mintalah supaya kalau boleh unCuk menunjuk adil - sebab tidak guna kita ada undang-undang....

Timbalan Yang di—Pertua: Tak adakah daripada Legislature?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Legislature tak payahlah. Saya ingat tiga ini sudah cukup. Nanti jadi empat kalau ada dari Legislature dan kalau dia draw 2:2, kita kena panggil Bar

Council pula membuat kata pemutus. Saya tidak percaya pada Bar Council. Lebih baik tiga sahaja, iaitu daripada orang ramai, daripada pihak peguam dan daripada pihak Judiciary, itu lebih adil. Saya minta supaya cadangan saya ini, kaedah 1:1:1 ini, kalau boleh di masa akan datang dipinda begini dan dimasukkan di dalam Akta Profesion Undang-undang ini supaya kita berlaku adil kepada semua. Kalau kita hendak berlaku adil, biar kita adil betul-betul, jangan hanya setakac untuk melepas batuk di tangga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hukuman yang dikenakan kepada peguam—peguam yang didapati salah di atas tuduhan yang telah dibawa oleh orang ramai, saya tengok dalam mukasurat 2 iaitu Fasal 5, seksyen 101, perenggan (b), di mana denda yang dikenakan ialah RM2,000 atau dipenjarakan. Saya ingin bertanya apa bezanya di antara penjenayah kolar putih dengan peguam yang telah menyeleweng wang daripada orang biasa. Inilah yang saya katakan Ear Council ini lebih daripada Raja. Kalau rakyat biasa yang melaku jenayah ini, yang bukan peguam, kena penjara, sebat dan denda. Tetapi lawyer dipenjara ataupun denda. Apa bezanya kesalahan yang dibuat oleh peguam di bawah Akta Profesion Undang-undang ini dengan jenayah yang dilakukan oleh penjenayah kolar putih. Kalau penjenayah kolar putih buat kesalahan sapu duit, lawyer pun kalau dia membuat kesalahan, dia sapu duit juga. Jadi, apa pasal mesti ada perbezaan hukuman di antara peguam yang melaku kesalahan dengan penjenayah kolar putih. Jenayah dia adalah sama sahaja. Kalau mangsa kepada penjenayah kolar putih kena RM100,000, maka mangsa kepada peguam kena RM100,000 juga - jenayahnya sama. Apa fasal hukumannya kurang, tetapi hukuman

penjenayah kolar putih berat? Apakah kita beri keutamaan kerana dia adalah seorang lawyer? Sepatutnya kerana dia adalah seorang lawyer, kita kena hukum dia lebih berat, sebab dia menyalahgunakan ilmu yang telah diberikan kepadanya untuk menipu rakyat biasa. Pada saya tidak ada perbezaan di antara peguam dengan penjenayah kolar putih.

Sebab itulah saya 'tidak bersetuju, pada peringkat ini, kalau sekiranya denda yang dikenakan ialah RM2,000 atau dipenjarakan. Dan bila perkara ini dihadapkan kepada Panel, maka sudah tentu Panel tidak akan kenakan dia penjara tetapi menyuruhnya bayar denda sahaja. Sebab itu saya rasakan kita jangan ada beri keutamaan kepada mana-mana golongan. Sama ada dia peguam atau akauntan atau lawyer atau apa juga, kalau dia penjenayah, dia tetap penjenayah. Jangan kerana dia penjenayah tetapi dia peguam, maka hukuman dia ringan. Ini yang kita tak boleh setuju. Saya lebih setuju kalau sekiranya perkataan "atau" ini dibuangkan. Jadi, bunyinya "RM2,000 dan dipenjarakan dan sebat." Mengapa peguam tak boleh kena sebat?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh saya rasa.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh kena sebat.

Timbalan Yang di-Pertua: Macam inilah, saya rasa Yang Berhormat sambung ucapan esok.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

